

Bil. 6

**Rabu
3 April 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN:**

[Ruangan 1]

USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong—Y.B. Dato' Haji Badruddin
bin Amiruldin (Yan)

[Ruangan 17]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI
ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.,
D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.S.M., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Musalib Mejar (B) Zakaria bin Salleh
--------------------	---

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 3 April, 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

LEBUHRAYA GENTING
HIGHLANDS-BUKIT FRASER-
CAMERON HIGHLANDS—
CADANGAN PEMBINAAN

1. **Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sejauh mana kemajuan cadangan projek lebuhraya menyambungkan 3 kawasan peranginan tanah tinggi iaitu Genting Highlands-Bukit Fraser-Cameron Highlands.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya (Tuan Yong Khoo Seng): Tuan Yang di-Pertua, cadangan pembinaan lebuhraya bagi menghubungkan Genting Highlands, Fraser's Hill dan Cameron Highlands masih dalam peringkat cadangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian kemungkinan kejuruteraan, reka bentuk kejuruteraan awalan dan kajian awalan mengenai kesan ke atas alam sekitar atau Environmental Impact Assessment (EIA) bagi projek tersebut telah dijalankan oleh Jabatan

Kerja Raya pada bulan Januari, 1994. Berikutan daripada kajian awal ini, kerajaan telah memutuskan supaya Jabatan Kerja Raya menjalankan kajian EIA terperinci.

Juruperunding bagi kajian telah dilantik pada November, 1995 dan bidang rujukan untuk kajian EIA terperinci telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk ulasan sebelum kerja-kerja fizikal boleh dijalankan.

Keputusan muktamad sama ada untuk membina jalan raya ini akan hanya dibuat setelah hasil kajian terperinci EIA diteliti oleh kerajaan.

HARGA AYAM—KOS
PENTERNAKAN

2. **Dr. Lee Chong Meng** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang wajar telah dirancang untuk melindungi para penternak ayam kerana kos untuk menternak tinggi tetapi harga ayam di pasaran rendah. Sekiranya perkara ini tidak dikawal maka banyak penternak akan menghadapi kerugian dan terpaksa menggulung tikar.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memandang serius masalah yang dialami oleh penternak-penternak. Pada masa kini, penternak mengalami kerugian disebabkan harga jualan pada paras yang rendah sedangkan kos pengeluaran kian meningkat. Kemerosotan harga ayam adalah disebabkan oleh keadaan pasaran di mana pengeluaran melebihi permintaan.

Untuk menstabilkan harga di peringkat ladang ke paras harga yang munasabah, Kementerian Pertanian melalui Jabatan

Perkhidmatan Haiwan telah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengimbangkan pengeluaran dengan permintaan. Langkah-langkah ini termasuklah maklumat unjuran pengeluaran ayam daging yang teliti serta menghadkan pengimportan pada masa pengeluaran yang tinggi. Seterusnya pihak pengusaha dan penternak perlulah juga merancang pengeluaran di peringkat ladang dengan mengambil kira maklumat-maklumat unjuran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan harga ayam yang rendah dan pihak penternak bercadang untuk memusnahkan ayam-ayam yang sedang membesar, apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk menyelamatkan ayam ini seperti mereka lakukan terhadap stok penimbal getah, iaitu kerajaan menyediakan bilik sejuk dan menyimpan ayam ini, bila harga pasaran tinggi maka ayam itu direleased untuk dijual kepada orang ramai. Apakah kerajaan bercadang untuk buat stok ayam seperti stok penimbal getah?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, bahawasanya bilik-bilik sejuk yang ada di negara kita ini memang hanya cukup untuk menampung sekadar dua minggu atau lebih sedikit sahaja. Jadi, kalau stok ini disimpan sampai 5-6 bulan, maka kualiti ayam itu akan terjejas.

Namun demikian, saya yakin dan percaya untuk masa depan harga ayam dapat distabilkan kalau penternak-penternak dapat mengikuti nasihat Jabatan Perkhidmatan Haiwan supaya jangan menternak melebihi daripada 5.5 juta ekor seminggu, tetapi apa yang berlaku sekarang ini ialah 6.5 juta ekor seminggu telah dikeluarkan dan ini melebihi 20% daripada pasaran.

Jadi, kita mengharapkanlah kerjasama Jabatan Perkhidmatan Haiwan dengan pihak persatuan agak baik dan insya-Allah, perkara yang seumpama ini akan dapat dielakkan.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada harga anak ayam ini, kos makanan adalah menyumbang peratus yang tinggi sehingga 60% dari segi kosnya. Sejauh manakah bidang kuasa kementerian bagi mengawal kos bahan-bahan makanan untuk penternak-penternak ayam ini? Kerana walaupun misalnya kerajaan meminta supaya pengeluaran itu dihadkan kepada 5.5 juta ekor sahaja tetapi kalau misalnya kos barang makanan ternakan ini tidak ada kuasa ditentukan, saya rasa kos pengeluaran akan terus berada di tahap yang lebih tinggi.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui bahawa keadaan perdagangan dalam negara kita ini adalah secara bebas (free enterprise) di mana pihak penternak hendaklah juga menjalankan penternakan dengan secara lebih cekap, kerana sebagaimana yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat, kalau kos barangan makanan dan lain-lain sampai 60%, maka ini bermakna penternak tidak akan dapat keuntungan kalau kematian itu melebihi daripada 10%.

Begitu juga kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk mengawal barang-barang makanan ternakan ayam melainkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, tetapi kementerian saya akan sentiasa bekerjasama dengan kementerian yang berkenaan jika didapati pada masa itu agak memerlukan sokongan.

Sebagaimana yang telah diketahui, mulai semalam harga ayam di paras ladang telah pun dinaikkan dari

1 lhb Mac baru-baru ini kepada RM2.20 sekilo dan selepas itu RM1.50 sekilo dan pada hari semalam telah dipersetujui dinaikkan kembali kepada RM2.20 sekilo. Jadi, RM2.20 sekilo dijangkakan akan memberi keuntungan kepada mereka yang mempunyai kecekapan dalam bidang penternakan.

AKTA PENGAMBILAN TANAH— BAYARAN PAMPASAN

3. Tuan Haji Mokhtaruddin bin Wan Yusof minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji semula pampasan yang dibayar kepada pemilik tanah apabila tanah diambil oleh kerajaan melalui Akta Pengambilan Tanah untuk kegunaan awam seperti jalan, hospital, dewan sivik atau sekolah; dan
- (b) adakah pihak kementerian sedar bahawa amaun yang selalu dibayar oleh kerajaan untuk pampasan tapak tidak setimpal (jauh lebih tinggi) dengan kos pembinaan kemudahan awam yang dibangunkan.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) kerajaan memang sedang mengkaji satu kaedah yang sesuai untuk membayar pampasan bagi tanah-tanah milik yang diambil oleh kerajaan bagi kegunaan awam. Untuk merumuskan kaedah penilaian dan pampasan yang sesuai ianya akan melibatkan beberapa peruntukan dalam undang-undang yang sedang berkuatkuasa sekarang. Perkara ini perlu dikaji dengan mendalam oleh Jabatan Peguam Negara.

- (b) Kerajaan memang sedar bahawa amaun yang dibayar oleh kerajaan untuk pampasan tanah kadang-kadang tidak setimpal (jauh lebih tinggi) berbanding dengan kos projek berkenaan. Oleh sebab itu kerajaan sekarang ini sedang mengkaji satu kaedah pembayaran pampasan yang lebih telus (transparent), tepat dan khusus agar tidak meletakkan kerajaan dalam beban kewangan yang berat akibat daripada kos pengambilan tanah yang jauh lebih tinggi berbanding kos projek pembangunan itu sendiri.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, masalah besar pengambilan balik tanah ini bukan soal harga pasaran. Harga pasaran walaupun penting ianya menjadi secondary, yang pentingnya ialah pemakaian undang-undang itu sendiri iaitu yang membenarkan pengambilan milik tanah untuk pembangunan ekonomi. Ini yang berlaku penyalahgunaan kuasa. Adakah pihak kementerian dan kita telah mendengar kerajaan mencadangkan beberapa kali bahawa kajian semula akan dibuat pada Akta Pengambilan Tanah dan hanya membenarkan pengambilan balik tanah dibuat ke atas kepentingan awam semata-mata, bukan atas kepentingan lain. Terima kasih.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara ini dalam pertimbangan kerajaan.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Soalan tambahan. Mengikut biasanya pengambilalihan tanah, pampasan adalah dibayar berasaskan kepada harga pasaran (market value) dan sekiranya tanah Rizab Melayu, nilai pasaran adalah rendah daripada tanah-tanah lain. Adakah kerajaan mempunyai cadangan dalam mengkaji Akta Pengambilan Tanah supaya fakta ini tidak diambil kira.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana kurang faham soalan Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila ulang.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Biasanya dalam pengambilan tanah pampasan adalah berasaskan kepada harga pasaran iaitu market value dan tanah rizab Melayu (Malay Reservation) biasanya, nilai berbanding dengan tanah-tanah lain bukan rizab Melayu adalah kurang daripada harga pasarannya. Soalannya, semasa mengkaji Akta Pengambilan Tanah adakah fakta berkaitan dengan tanah rizab Melayu ini tidak diambil kira dalam menetapkan pampasan yang akan dibayar.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Pengambilan Tanah sekarang, seperti Ahli Yang Berhormat berkata pampasan itu dikira mengikut harga pasaran dan tanah rizab Melayu pun ada harga pasaran, jadi pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan kami timbang semasa mengkaji perkara semula.

INLAND PORT DI MENTAKAB— TARIKH OPERASI/ PERKHIDMATAN

4. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah inland port di Mentakab akan mula beroperasi dan apakah perkhidmatan yang akan disediakan kepada pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelabuhan darat ataupun inland port di Mentakab adalah projek Kerajaan Negeri Pahang. Buat masa ini projek ini belum lagi diputuskan dan dengan demikian

pihak Kerajaan Negeri tidak dapat memaklumkan bila projek ini akan mula beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, jika projek ini berjaya diusahakan, di antara perkhidmatan-perkhidmatan yang akan disediakan di inland port ini adalah seperti berikut:

- (i) pelepasan kastam dan pembayaran duti kastam untuk shipment, dengan izin, eksport dan import;
- (ii) perkhidmatan pengangkutan ke dan dari pelabuhan;
- (iii) tempat simpanan sementara kontena dan kargo;
- (iv) perkhidmatan mengisi dan mengeluarkan isi kontena;
- (v) pembaikan dan penyelenggaraan kontena; dan
- (vi) pengurusan logistik.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin.

(Soalan No. 5—Y.B. Tuan Henrynus Amin tidak hadir)

KESELAMATAN MURID-MURID SEKOLAH— MENGETATKAN PENGAWASAN

6. **Dato' Haji Hanafi bin Ramli** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengetatkan pengawasan terhadap keselamatan murid-murid sekolah di negara ini bagi mengelakkan daripada sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku, seperti penculikan dan penjualan makanan yang tidak berkhasiat sejak ianya dibina dalam tahun tujuh puluhan.

40. Dr. L. Krishnan minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan kes-kes pelajar yang diculik daripada sekolah bagi tahun 1994 dan 1995; dan
- (b) apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

18.4.96

5. Dato' Yap Pian Hon minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian telah berhasrat untuk mengetatkan kawalan keselamatan di sekolah-sekolah rendah terutamanya untuk membanteras pencerobohan masuk oleh orang-orang yang tidak berkenaan memandangkan kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak mereka tercetus ekoran daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, terdapat tiga soalan yang menyentuh hal keselamatan murid-murid sekolah. Butir-butir Ahli Yang Berhormat yang bertanyakan soalan itu ialah Yang Berhormat dari Jerlun, hari ini, Yang Berhormat dari Telok Kemang, hari ini juga dan Yang Berhormat dari Serdang pada 18.4.1996. Saya mohon untuk menjawab ketiga-tiga soalan itu serentak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa mengutamakan keselamatan murid-murid terutamanya di kawasan sekolah. Kejadian penculikan murid di Kelang, Selangor dan Kota Bharu, Kelantan berlaku di luar kawasan sekolah dan selepas waktu persekolahan. Walau

bagaimanapun, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah yang perlu untuk mempertingkatkan keselamatan murid-murid di sekolah. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) memastikan pihak sekolah melaksanakan Pekeliling Iktisas, Bilangan 8 Tahun 1988 yang berkait dengan keselamatan diri pelajar di sekolah. Baru-baru ini pun kita telah menghantar surat peringatan kepada semua sekolah dan melampirkan semula surat pekeliling tersebut;
- (ii) memperkukuhkan hubungan sekolah dengan ibu bapa agar sama-sama bertanggungjawab atas keselamatan murid;
- (iii) mewujudkan sistem keselamatan yang lebih rapi di waktu murid sampai dan pulang dari sekolah;
- (iv) memberitahu pihak berkuasa tempatan supaya mengeluarkan notis larangan berjaja di luar kawasan sekolah. Terima kasih.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada keselamatan pelajar-pelajar daripada diculik dan juga daripada mendapatkan makanan yang baik, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk memastikan pelajar-pelajar terselamat apabila mereka pulang dari sekolah—dari segi lalu-lintas, kerana kita dapati pada hari ini tidak ada pekerja tetap yang ditetapkan di mana-mana sekolah untuk memastikan murid-murid apabila balik dari sekolah ini terselamat daripada kemalangan jalan raya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Pekeliling yang saya katakan tadi, terdapat beberapa garis panduan yang kita berikan termasuklah soal keselamatan murid-murid apabila berada di jalan raya, terutama sekali yang melibatkan lalu lintas.

Sekolah-sekolah juga, seberapa yang terdaya mengikut kemampuan masing-masing mengadakan kemudahan-kemudahan untuk memandu dan memimpin murid-murid, terutama sekali waktu melintas jalan-jalan raya. Selain daripada itu, kita juga telah mengadakan kempen-kempen keselamatan merangkumi berbagai jurusan, termasuk keselamatan lalu-lintas supaya dapat kita cuba pastikan anak-anak kita yang pulang selepas daripada sekolah itu seboleh-bolehnya terkawal keadaan keselamatan mereka.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan keselamatan kanak-kanak sekolah dan juga masalah sosial yang lain, adakah kementerian bercadang untuk mengkaji sama ada sesuai persekolahan ataupun tempoh persekolahan dimulai daripada jam 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang bagi semua sekolah pada masa akan datang supaya ianya dapat diperhatikan oleh ibu bapa yang balik daripada kerja dan sebagainya dan juga dapat mengawal daripada masalah-masalah sosial lain?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, waktu persekolahan sekarang ini, seperti yang kita semua maklum, mengandungi dua peringkat, iaitu pagi dan petang. Sama ada kita hendak mengadakannya serentak, itu satu perkara yang mesti diteliti dengan cermat oleh kerajaan.

PERAHU NELAYAN MEMBAWA PENUMPANG—PENGUNAAN 'LIFE JACKET'

7. **Tuan Vincent Lim Kuo Phau** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa banyak perahu nelayan yang digunakan untuk membawa penumpang dari pantai ke pulau peranginan tidak membekalkan "life jackets" kepada penumpang mereka.

apakah kerajaan tidak bercadang mewajibkan life jacket dipakai oleh setiap penumpang.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman kepada semua Ahli Yang Berhormat, sebenarnya perahu-perahu nelayan ataupun bot-bot ikan tidak dibenarkan membawa penumpang. Malah, ianya menjadi satu kesalahan di bawah undang-undang jika sekiranya perahu-perahu atau bot-bot sedemikian membawa penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya, bot-bot yang hendak membawa penumpang dikehendaki memperolehi lesen di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang mana segala keperluan keselamatan akan ditetapkan. Bot-bot yang dilesenkan di bawah Ordinan tersebut akan turut dikehendaki menyediakan jeket keselamatan untuk setiap penumpang yang dibawa. Tambahan dari itu, penumpang-penumpang juga dikehendaki untuk memakai jeket keselamatan sekiranya menaiki bot penumpang terbuka.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada pihak kementerian sedar atau tidak, walaupun bot-bot nelayan ini tidak dibenarkan mengangkut penumpang, tetapi saya difahamkan, terutama sekali di kawasan-kawasan pantai timur, terdapat pengusaha-pengusaha pelancongan ataupun resort owners yang menggunakan khidmat perahu-perahu nelayan ini untuk mengangkut para penumpang. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian tentang sikap begini?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat kemungkinan benar sebab kadangkala kementerian ataupun Jabatan Laut juga menerima aduan dari beberapa pihak yang mana ia mendakwa bahawa

bot-bot nelayan digunakan untuk membawa penumpang, khususnya di sebelah pantai timur.

Untuk mencegah kegiatan seumpama ini, Jabatan Laut telah bekerjasama rapat dengan polis marin dan juga pihak-pihak berkuasa yang lain supaya kegiatan ini tidak berleluasa. Walau bagaimanapun, memang menjadi satu perkara yang amat sukar bagi Jabatan Laut untuk mengawal kedudukan ini jika tidak menerima sebarang komplain ataupun aduan. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Laut, melalui polis marin telah pun menyaman beberapa pengusaha bot-bot tersebut.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi jelas sekali menunjukkan bahawa nelayan kita berubah daripada usaha ke laut, berusaha untuk menjadi usahawan dalam bidang pelancongan. Jadi, di samping kita mengadakan penguatkuasaan di bawah Jabatan Laut, adakah pihak kementerian Yang terhormat bersedia membantu nelayan-nelayan berkenaan untuk mengubah mata pencariannya daripada kerja-kerja menangkap ikan kepada kerja-kerja membawa penumpang dan sekiranya ada, apakah kesediaan pihak kementerian Yang Berhormat untuk membantu nelayan-nelayan yang begini?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya, khususnya agensi di bawah kawalan kementerian iaitu Jabatan Laut senantiasa sedia untuk memberi bantuan kepada sesiapa sahaja yang ingin menceburi dalam bidang feri membawa penumpang.

Buat masa ini, kita dapat lihat telah melebihi 1,000 lesen telah pun dikeluarkan oleh Jabatan Laut untuk pengusaha-pengusaha dalam bidang ini dan jika terdapat mana-mana sahaja pihak yang berminat, khususnya dari golongan nelayan, sila masukkan permohonan dan Yang Berhormat juga mungkin dapat membantu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Jawah Anak Gerang.

(Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Jawah Anak Gerang tidak hadir)

HUKUMAN GANTUNG— KAJIAN KEBERKESANAN

9. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang yang telah digantung mati sejak Malaysia mencapai kemerdekaan dan nyatakan jumlahnya pada tiap-tiap tahun dan sebab mereka digantung. Adakah pihak kerajaan telah membuat kajian tentang keberkesanan hukuman gantung mati dan kalau ya, adakah ia bercadang melaksanakannya ke atas kes penderaan kanak-kanak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, bilangan banduan yang telah digantung mati semenjak tahun 1970 hingga 22hb Mac 1996 adalah seramai 349 orang. Angka sebelum 1970 itu tidak dapat dikemaskan buat masa ini.

Mengikut tahun-tahun yang diminta:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah (orang)</i>
1970 - 1980	25
1981	24
1982	25
1983	15
1984	15
1985	13
1986	16
1987	27
1988	28
1989	22
1990	36
1991	17
1992	39
1993	29
1994	10
1995	5
1996 (sehingga 22hb Mac)	3

Akta-akta yang mereka ini disabitkan adalah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta Dadah Berbahaya, Seksyen 30 Kanun Keseksaan dan Akta Culik 1961.

Dari masa ke semasa kerajaan sentiasa mengkaji keberkesanan setiap hukuman yang dijalankan, termasuk hukuman mati. Oleh itu, sekiranya didapati hukuman yang dijalankan tidak berkesan, kajian lanjut akan dibuat untuk meminda hukuman tersebut. Buat masa kini, kerajaan belum bercadang untuk mengenakan hukuman mati terhadap kes penderaan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bersedia mengkaji dan meminda hak pengampunan yang diberi kepada suatu Lembaga Pengampunan untuk membatalkan hukuman mati kepada jenayah membunuh supaya selaras dengan syariah Islam yang memihak kepada waris atau keluarga terdekat bagi mengampun penjenayah tersebut?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengenai hak-hak pengampunan ataupun hal-hal yang ada kaitan dengan pengampunan itu, saya cadangkan Yang Berhormat mengemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah hukuman gantung mati berkesan ke atas kes-kes yang bersabit dengan kesalahan dadah kerana baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang lebih kanan sedikit telah menyatakan bahawa PEMADAM dan juga usaha kerajaan selama ini untuk membanteras gejala dadah adalah tidak berkesan. Memandangkan begitu, adakah

ini bermakna bahawa hukuman gantung mati yang dikenakan ke atas mereka yang bersabit dalam kesalahan dadah akan dikaji semula atau akan ditambah berat lagi dan juga kalau hukuman gantung mati boleh dikenakan ke atas mereka yang terlibat dalam pengedaran dadah, mengapakah hukuman serupa ini tidak dikenakan ke atas perbuatan-perbuatan kes penderaan kanak-kanak terutamanya yang menyebabkan kehilangan nyawa, bayi-bayi atau kanak-kanak yang tidak berdosa ini? Apakah logik dan rasionalnya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kajian semula mengenai hukuman yang berat terhadap mereka yang terlibat di dalam pengedaran dadah (drug trafficking) sebenarnya kini telah pun memadai kerana seperti Yang Berhormat pun sedia maklum kalau disabit boleh digantung mati. Masa kini, kerajaan rasa ini masih sesuai. Kalau sekiranya tidak ada hukuman yang berat dan serius begini, kerajaan berpendapat akan jadi lebih teruk masalah dadah. Kalau sekiranya negara kita seperti sesetengah negara yang mengatakan hak asasi itu sampai mengedar dadah dan sudah banyak merosakkan masyarakatnya masih kata, "Oh itu hak asasi, tidak boleh kita gantung mati." Saya rasa Malaysia hari ini mungkin jauh lebih teruk daripada apa yang ada sekarang.

Dari segi mengapa pula penderaan itu tidak dikenakan hukuman mati, saya kata belum bercadang berbuat demikian kerana pada masa kini ada juga undang-undang yang sedia ada itu boleh digunakan seperti yang telah saya katakan seperti Kanun Keseksaan dan sebagainya. Kita boleh mengenakan hukuman yang agak berat terhadap kes-kes penderaan. Sehingga satu masa kalau kita rasa perlu kenakan penalti gantung sampai mati, mungkin kerajaan akan timbang.

**RADIO DAN TELEVISYEN—
RANCANGAN KHAS DI MUSIM
PERAYAAN**

10. Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz minta Menteri Penerangan menyatakan adakah ia bersedia mengkaji kemungkinan rancangan-rancangan menarik di TV sempena perayaan seperti Hari Raya dan Tahun Baru Cina telah menjejaskan usaha memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbagai-bagai kaum kerana kebanyakan mereka duduk di rumah menghadap TV sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi kelaziman—bukan kezaliman-kelaziman pada setiap musim perayaan stesen-stesen radio dan televisyen menyediakan rancangan-rancangan khas dengan tujuan untuk turut menyambut memeriahkan suasana perayaan tersebut seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Wesak, Krismas, Hari Kebangsaan dan sebagainya. Rancangan-rancangan khas keluaran tempatan biasanya menyelitkan ciri-ciri yang mencerminkan semangat muhibah bertujuan untuk memupuk perpaduan kaum.

Dari segi penjadualan rancangan, sesuatu rancangan khas itu adalah disiarkan untuk kumpulan penonton sasaran tertentu. Umpamanya, bagi rancangan kanak-kanak disiarkan di sebelah pagi dan petang sahaja. Ini bermakna, bahawa penonton haruslah bijak membahagikan masa untuk menonton televisyen dan untuk menyambut hari perayaan mengikut keutamaan masing-masing.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Di dalam sesi Parlimen tahun lalu, Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan ada mengatakan bahawa salah

satu sebab adanya iklan di dalam TV semasa berita adalah untuk kerajaan mengutip sedikit sebanyak revenue, dengan izin, daripada pihak pengiklan. Saya hendak buat satu telahan sama ada program TV pada Hari Raya dan Tahun Baru Cina seperti yang baru lalu ataupun Hari Raya Aidil Fitri sahaja, sama ada kerajaan oleh kerana revenue yang begitu banyak pada siaran TV pada Hari Raya, maka kerajaan menyiarkan siaran TV selama 24 jam dan seluruh pada Hari Raya pertama dan kedua. Yang sebenarnya, saya rasa ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang membuat soalan ini oleh kerana ianya telah tidak dapat menjalinkan hubungan di antara saudara-mara oleh kerana mereka hanya menumpukan perhatian kepada TV. Saya hendak tanya sama ada kita lebih menilaikan dari segi wang ringgit yang kita dapat daripada revenue, ataupun dari segi sosio-budaya yang harus kita praktikkan?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat dari Jerantut ini ada berhubungkait dengan iklan iaitu bersabit dengan hasil perolehan daripada TV manakala yang kita persoalkan di sini ialah mengenai perpaduan. Perpaduan seperti yang saya nyatakan tadi ialah dalam rancangan-rancangan yang dikeluarkan oleh TV mahupun radio adalah berbentuk dari segi hendak menyatu-padukan. Contohnya persembahan-persembahan yang sering kita paparkan di kaca TV, ada kita selitkan berbagai kaum yang turut mendendangkan lagu-lagu, bukan sahaja lagu Melayu bahkan lagu Cina. Bukanlah menjadi perhitungan utama bagi kita, dalam musim perayaan kita tayangkan berbagai program diselitkan iklan. Iklan itu adalah merupakan juga seperti yang saya nyatakan terdahulu daripada itu, pada tahun yang sudah bahawa sebahagian besar hasil kita perolehi daripada iklan. Walaupun demikian, dalam sejam kita hanya bagi tumpuan

10 minit sahaja iklan yang kita keluarkan dalam setiap program. Saya harap saya telah dapat memberi penjelasan kepada Yang Berhormat.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan awal tadi bahawa pihak kementerian menyangkan program-program pada masa perayaan-perayaan tertentu yang bertujuan untuk memupuk perpaduan, saya ingin bertanya adakah pihak kementerian telah membuat kajian mengenai kesan program-program ini? Adakah ianya berhasil untuk memupuk perpaduan dan juga adakah usaha ini sebenarnya juga diganggu oleh program-program yang menarik yang biasanya adalah program-program luar (foreign) pada masa perayaan-perayaan, jadi ada saingan. Jadi apakah kesan program-program yang dijalankan oleh kementerian dan apakah competition itu juga membawa akibat yang buruk dari segi sambutan?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Pada hemat kementerian, setelah mengkaji keadaan dari segi rancangan-rancangan yang kita telah paparkan, kita mempunyai keyakinan bahawa rancangan-rancangan yang kita paparkan di kaca TV adalah seperti yang selaras dengan dasar kerajaan kita di samping hendak menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di negara ini dan kita pun yakin bahawa sedikit sebanyak kita telah berjaya ke arah untuk menjayakan matlamat dasar ini.

Manakala bagi persaingan yang ada, memang ada persaingan daripada pihak-pihak yang lain. Walaupun demikian, ini adalah negara maju. We expect there will be competition from others, but nevertheless, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, selepas ini kita akan sebut "dengan izin". Nevertheless, kita akan cuba mengatasi apa juga saingan daripada pihak-pihak luar tentang dalam sektor broadcasting ini, dengan izin.

KTMB KOMUTER— KEMUDAHAN TANDAS

11. Dr. Tan Kee Kwong minta Menteri Pengangkutan menjelaskan mengenai sebab-sebab mengapa kereta api yang direka khusus untuk KTM Komuter dari Rawang ke Seremban tidak dilengkapi dengan kemudahan tandas. Ini telah menyebabkan sebahagian daripada kereta api baru ini berbau air kencing.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan KTMB Komuter adalah sistem pengangkutan jarak dekat yang berhenti kerap kali. Oleh yang demikian, tren-tren komuter tidak dilengkapi dengan kemudahan tandas. Ini merupakan amalan biasa untuk sistem kereta api jarak dekat di negara-negara lain juga. Namun demikian, stesen-stesen kereta api di seluruh rangkaian komuter disediakan dengan kemudahan tandas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memelihara kebersihan tren komuter, setiap kali tren komuter sampai di stesen penghujung (terminal), kerja-kerja pembersihan akan dijalankan. Jika kadangkala terdapat sebahagian kereta api berbau air kencing, kemungkinan ini adalah perbuatan budak-budak.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kadang-kadang itu rasa hendak buang air ini, dia tidak tunggu masa, tidak kira budakkah, bapa budakkah, emak budakkah, dia ikut "dan" sahaja.

Saya ingin tahu sama ada, adakah cadangan kementerian beliau untuk merubah satu sistem untuk mengadakan dan membekalkan dengan kemudahan tandas dan bilik air supaya keadaan yang menyiksa sedemikian kepada penumpang tidak berlaku.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai sebarang perancangan mengenai kemudahan tandas di dalam train commuter. Walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada puratanya perjalanan train commuter ini pada setiap 10 minit akan berhenti di perhentian ataupun di stesen dan hampir semua stesen ataupun perhentian mempunyai kemudahan tandas.

Saya percaya bagi orang dewasa tempoh 10 minit bukan satu masa yang agak panjang dan jika memang 'tidak dapat tahan' sampai di perhentian sahajalah kita lepaskan. *(Ketawa)*

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan daripada Yang Berhormat tadi perlu diambil kira kerana sekarang ini komuter berjalan dari Kuala Lumpur ke Seremban yang memakan masa lebih kurang 45 minit. Memandangkan kepada kerajaan terus akan menempah beberapa komuter baru, tidakkah dengan adanya keadaan yang disedari sekarang ini, bolehkah kementerian mencadangkan kepada pembekal-pembekal yang baru atau yang akan datang supaya membekalkan kemudahan ini sebab ini penting untuk rakyat dan masyarakat.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara ini amat 'didesak' oleh semua Ahli Yang Berhormat mungkin kita boleh pertimbangkanlah. *(Tepuk)*

UNIVERSITI SWASTA— JUMLAH PERMOHONAN DILULUSKAN

12. **Tuan Lim Siang Chai** minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini berapakah permohonan telah diterima oleh kementerian untuk menubuhkan

universiti-universiti swasta, dan berapakah permohonan telah diluluskan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat setakat Kementerian Pendidikan belum menerima sebarang permohonan untuk menubuhkan universiti swasta.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seandainya ada pemohon-pemohon untuk menubuhkan universiti ini, adakah kerajaan juga akan menasihati pihak-pihak tertentu yang ingin menubuhkan universiti ini mengadakan universiti-universiti ini bukan khususnya di bandar-bandar besar, tetapi juga di kawasan-kawasan luar bandar, kerana kita dapati, kalau tumpuan itu hanya di bandar-bandar besar sudah tentulah ini akan menambahkan sesak dan cost of living, dengan izin meningkat di kawasan-kawasan bandar, di samping itu, di kawasan luar bandar ini adalah kawasan yang paling aman dan tenteram untuk orang menuntut pengajian tinggi, terutama sekali di kawasan Yan. *(Ketawa)*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita memang galak. *(Ketawa)*

Tuan Lim Kit Siang: Apakah kedudukan permohonan Kolej Zaman Baru (New Era College), adakah benar bahawa kerajaan tidak akan memberi kelulusan yang ada dinyatakan oleh bendahari Gerakan dan Ahli Parlimen dari kawasan Batu dan bukannya benar bahawa Universiti Telekom sudah diminta oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menubuhkan satu universiti?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Pada soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, kita belum membuat keputusan. Yang kedua itu betul.

**RUMAH MURAH—MEWARTA
SENARAI PEMBELI**

13. Tuan Abdol Mulok Haji Awang Damit minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah pihak kementerian bercadang untuk mewartakan senarai pembeli rumah murah serta apakah bentuk manipulasi yang sering digunakan oleh pembeli yang tidak layak untuk mendapatkan rumah murah; dan
- (b) bilangan rumah murah yang telah bertukar milik di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak berhasrat untuk mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya senarai pembeli-pembeli rumah kos rendah diwartakan. Perkara yang diwartakan biasanya adalah yang berkaitan dengan undang-undang. Walau bagaimanapun, mempamerkan senarai pembeli rumah kos rendah wajar dibuat. Bentuk manipulasi utama pemohon-pemohon pembeli rumah kos rendah yang tidak layak adalah memberi maklumat-maklumat yang tidak tepat seperti status pemilikan harta, jumlah pendapatan, status perkahwinan dan sebagainya.
- (b) Penukaran milik rumah adalah diuruskan oleh kerajaan negeri, maka pihak kementerian tidak menyimpan rekod urusan ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita ada dengar dalam akhbar iaitu siasatan dibuat kepada mereka yang mendapat rumah

murah, tetapi tidak berhak, ini menjadi satu isu di kalangan orang ramai kerana mengambil hak daripada mereka yang patut mendapatnya. Jadi, saya hendak bertanya sedikit, setakat mana kemajuan ataupun tentang siasatan yang dibuat oleh BPR kira-kiranya?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, memang benar pihak BPR ada menyatakan yang mereka akan membuat siasatan berkenaan dengan pemohon-pemohon untuk memiliki rumah kos rendah, yang tidak layak dapat - dapat. Tetapi setakat ini kementerian tidak dimaklumkan berkenaan dengan perkara ini. Bagaimanapun sebagaimana soalan asal tadi berkenaan dengan penukaran milik rumah dan sebagainya, seandainya pihak kerajaan negeri mempunyai satu senarai berkomputer, semua pemohon-pemohon berkenaan dengan pemilikan rumah kos rendah dan juga mereka yang telah menjual rumah kos rendah ini, seandainya senarai ini dapat kita 'online'kan dengan kementerian, maka sudah tentulah sebarang pemilikan rumah kos rendah dan penjualan rumah kos rendah ini akan dapat diketahui oleh kementerian. Saya yakin pada masa-masa yang akan datang ini, senarai berkomputer ini sudah tentulah akan menjadi satu perkara yang terpaksa dilakukan oleh pihak negeri dan juga pihak pusat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada menyatakan bahawa mereka yang mendapat rumah kos rendah ini boleh mengubahsuai bila keadaan mengizinkan dari segi kemampuan ekonomi. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah rakyat miskin yang diuntukkan rumah kos rendah ini dianggap condemned to the low cost house, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sehingga mereka tidak dibenarkan menjual mengikut keadaan juga dan

mengikut kesesuaian ataupun kemampuan mereka masing-masing selaras dengan perkembangan ekonomi. Adakah dasar ini telah dikaji sedalam-dalamnya sama ada ini mempunyai implikasi yang buruk juga kalau diteruskan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kerajaan tidak pernah mengatakan bahawa pemilik-pemilik rumah kos rendah ini tidak boleh menjual rumah mereka kepada orang lain.

Sebagaimana soalan Yang Berhormat tadi, mengatakan bahawa mereka boleh mengubahsuai rumah-rumah kos rendah ini apabila keluarga mereka bertambah, tetapi yang kerajaan tidak mahu wujud ialah keadaan di mana pemilik-pemilik rumah kos rendah menjual rumah kos rendah mereka dengan mendapat keuntungan dan selepas itu sekali lagi memohon untuk memiliki rumah kos rendah—ini yang kita tidak mahu.

IPT—BILANGAN GURU MENGAMBIL CUTI BELAJAR

14. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan guru yang mengambil cuti belajar di IPT tempatan dan syarat-syarat perkhidmatan yang dikenakan ke atas mereka sepanjang tempoh pengajian; dan
- (b) adakah kementerian akan memberikan gaji penuh sama seperti pegawai-pegawai kerajaan lain yang melanjutkan pelajaran dan tidak hanya separuh cuti seperti sekarang.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan guru yang mengambil cuti belajar di IPT tempatan pada tahun 1995 ialah 2,137 orang.

Syarat-syarat perkhidmatan yang dikenakan ke atas mereka sepanjang tempoh pengajian adalah seperti berikut:

- (i) tempoh cuti ini layak untuk diambil kira bagi tujuan perkiraan faedah-faedah pencen;
- (ii) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat;
- (iii) sentiasa tertakluk kepada peruntukan-peruntukan mengenai kelakuan dan tatatertib di bawah Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Awam; dan
- (iv) Kementerian Pendidikan telah memperakukan kepada JPA cadangan memberi gaji penuh kepada guru-guru yang melanjutkan pelajaran pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dan perkara ini masih dalam kajian JPA.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, pihak kita telah menerima banyak sungutan bahawa amat sukar bagi guru-guru mendapatkan cuti belajar ini, khususnya bagi guru-guru dari Sabah dan Sarawak. Saya ingin bertanya, apakah syarat-syarat kelayakan yang ditentukan bagi mereka mendapatkan cuti belajar ini, dan adakah guru-guru dari Sabah dan Sarawak diberi keutamaan dalam perkara ini memandangkan masalah kekurangan guru yang lebih teruk di kedua-dua negeri tersebut?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, semua guru diberi peluang, itu pokok. Yang kedua, kita kena faham ada perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan secara khusus. Pertama, semua guru yang hendak pergi ke universiti dan buat ijazah pertama dan dia mengikut mata pelajaran-mata pelajaran ataupun bidang-bidang seperti yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan, permohonan daripada guru-guru jenis itu kita beri mereka cuti dan kita beri separuh gaji.

Yang kedua, kalau ada di antara guru-guru ini selepas dia ambil ijazah pertama, dia hendak pergi buat ijazah lanjutan ataupun ijazah khususnya kedua, guru-guru yang seperti itu, mereka kadangkala mohon tak dapat, jadi dia pergi sendiri. Itu yang banyak masalah. Tetapi mana-mana guru yang hendak pergi buat ijazah pertama dan mengikut keperluan-keperluan, biasanya kementerian beri. Yang jadi banyak masalah ialah membuat kursus-kursus mengikut keperluan dia, yang ini payah sedikit kita hendak timbang. Jadi, tidak ada masalah kepada semua guru, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang banyak orang hendak minta jadi guru berijazah. Cuma saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang saya kasihi, bilakah Maktab Perguruan Sultan Idris akan dinaikkan tahap ke universiti perguruan supaya masalah guru berijazah ini dapat diselesaikan dengan baik?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita masih meneliti tentang cara mana hasrat itu dapat kita penuhi.

MALAYSIA SEBAGAI PUSAT PASARAN MODAL—POTENSI

15. Puan Chua Soon Bui minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) dalam usaha Kementerian untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat pasaran modal utama di rantau ini, apakah strategi untuk membolehkan negara kita mengatasi Singapura dan Hong Kong untuk menjadi pusat pasaran modal serantau; dan
- (b) apakah kelebihan dan potensi negara kita untuk mencapai status tersebut berbanding dengan Hong Kong dan Singapura.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagai usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pasaran modal yang maju dan terkenal di rantau ini, kerajaan sedang mengatur beberapa program yang meliputi pelbagai aspek yang dianggap strategik bagi mewujudkan persekitaran yang berdaya saing serta mampu menghadapi cabaran-cabaran yang timbul akibat proses globalisasi. Program-program pembangunan itu bertujuan untuk membentuk satu pasaran modal yang ideal dengan mempunyai ciri-ciri seperti kredibiliti, adil, efisien, ketelusan, inovatif, stabil, berdaya saing serta bertanggungjawab. Di antara program-program itu termasuklah:
 - (i) pembangunan industri pengurusan daya yang akan mempertingkatkan lagi kecekapan pasaran modal dalam proses pembentukan modal atau dengan izin, capital formation;
 - (ii) pembangunan pasaran derivatif kewangan yang kompetitif dan dinamik;
 - (iii) pembangunan pasaran bon ringgit;
 - (iv) pembangunan pasaran modal mengikut lunas-lunas Islam;
 - (v) penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan bagi memajukan pusat kewangan luar pesisir Labuan;
 - (vi) mengkaji semula undang-undang dan garis

panduan yang sedia ada, bagi memastikan rangka kawalan yang kompetitif dan maju; dan

- (vii) pembangunan dan pemodenan infrastruktur pasaran modal yang cekap, maju serta kos efektif seperti sistem pendepositori saham.

(b) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pasaran modal Hong Kong dan Singapura telah lama bertapak. Bagaimanapun, kerajaan yakin bahawa negara kita mempunyai kelebihan dan potensi yang tersendiri bagi mencapai status sebagai pusat pasaran modal yang maju, di antaranya termasuklah:

- (i) kestabilan politik dan asas ekonomi yang kukuh. Ini jelas dibuktikan dengan pertumbuhan ekonomi negara pada purata 8% setahun selama lapan tahun berturut-turut berbanding dengan Hong Kong yang menghadapi keadaan politik yang tidak menentu, berikutan dengan penyerahannya kepada China pada tahun 1997;

- (ii) Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah mencatatkan modal pasaran yang menggalakkan, di mana dalam tahun 1995 misalnya, modal pasaran adalah sebanyak US\$213 bilion berbanding dengan Hong Kong dan Singapura yang masing-masingnya sebanyak US\$304 bilion dan US\$148 bilion. Dengan rekod ini, BSKL

menduduki tangga keempat terbesar di rantau Asia-Pasifik selepas Jepun, Hong Kong dan Australia serta keenambelas terbesar di dunia. BSKL juga mempunyai kecairan yang tinggi serta keluasan dan kedalaman yang merupakan satu daya penarik kepada para pelabur asing. Apa yang lebih menarik adalah kekukuhan pertumbuhan BSKL itu dicapai melalui pertumbuhan domestik;

- (iii) pembangunan pasaran derivatif dalam jangka panjang akan membolehkan Malaysia terus bersaing dengan Hong Kong dan Singapura dengan menawarkan instrumen-instrumen tertentu untuk membolehkan pelabur melindungi nilai pelaburan mereka; dan

- (iv) adalah tidak dinafikan bahawa pada ketika ini perkembangan pasaran sektor kewangan Malaysia masih belum menandingi tahap kemajuan Hong Kong dan Singapura. Walau bagaimanapun, dengan kemajuan teknologi masa ini serta kegigihan kerajaan membangunkan sektor kewangan dan pasaran modal, negara akan terus mendapat manfaatnya.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai pembangunan industri pengurusan dana yang

diterangkan oleh Yang Berhormat tadi, bolehkah Yang Berhormat memberikan atau menerangkan beberapa langkah baru yang telah diperkenalkan?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah diperkenalkan baru-baru ini. Umpamanya, liberalisasi dan pembangunan industri pembangunan dana. Pertamanya 100% syarikat pengurus dana milik asing dibenarkan. Keduanya, syarikat broker saham yang berkelayakan dibenarkan mengendalikan amanah saham, iaitu unit trust. Ketiga, penyenaian dana tertutup dibenarkan (close end fund). Keempat, had pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditingkatkan dari 9% ke 15%, dan kelimanya, syarikat besar dibenarkan menguruskan kumpulan wang simpanan mereka sendiri.

Untuk kos urus niaga, Tuan Yang di-Pertua, mulai 1hb Julai 1995 kos urus niaga telah bertukar dari komisen tetap kepada sistem komisen berperingkat, ataupun "graduated commission". Kadar baru adalah seperti berikut, 1% komisen bagi setiap urus niaga RM500,000 yang pertama, 0.75% untuk nilai urus niaga, RM500,000 hingga RM2 juta dan 0.5% urus niaga melebihi RM2 juta.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, kita bangga bahawa Bursa Saham Kuala Lumpur adalah nombor empat dalam rantau Asia Pasifik. Saya terbaca bahawa Bursa Saham Kuala Lumpur pun sekarang di dalam lingkungan nombor 10 di seluruh dunia. Tetapi kalau kita tengok CNN, kita dapati bahawa tak pernah mention Bursa Saham Kuala Lumpur, Kuala Lumpur Composite Index. Yang dinyatakan di dalam CNN ialah Singapura, Sydney. Ada sekali saya tengok Bombay pun ada juga. Jadi, apakah oleh kerana kita hendak memperkuatkan dan mempergiatkan lagi

pasaran modal, dan BSKL merupakan salah satu saluran pasaran modal yang terhadap sekali untuk menarik dana dari luar negara. Apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat antarabangsa pada BSKL melalui televisyen ataupun rangkaian CNN dan sebagainya?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah kita katakan baru-baru ini bahawa dengan adanya, saya rasakan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan, yang beroperasi mulai 15hb Februari, 1996, dan ia akan mengendalikan semua perkara berkaitan dengan hal ehwal institusi kewangan luar pesisir, termasuk bank luar pesisir, insurans luar pesisir, syarikat amanah luar pesisir dan LDA (Pembangunan Labuan) akan bertanggungjawab mengenai kemajuan fiskal Labuan. Dengan adanya MEASAT dan teknologi canggih seperti yang dikatakan semalam, parabola dan sebagainya, kita berharap sangat nanti bahawa data-data kita akan sampai juga ke luar negeri bukan sahaja kita bertumpu pemusatan kita kepada CNN sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman.

(Soalan No. 16—Y.B. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman tidak hadir)

BAHAN BUNGKUSAN 'BIODEGRADABLE'—GALAKAN PENGUNAAN

17. **Tuan Wong Kam Hoong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang akan diambil dan insentif-insentif yang akan disediakan untuk menggalakkan lebih banyak pekilang dan peniaga menggunakan bahan bungkusan terbiodegradasikan (biodegradable).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa berusaha menggalakkan usaha-usaha yang boleh mengurangkan beban pencemaran ke atas alam sekitar. Usaha-usaha telah dan sedang dijalankan melalui peningkatan kualiti dan aktiviti pendidikan dan kesedaran alam sekitar. Kementerian saya dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain akan berusaha dan mengambil langkah untuk menggalakkan penggunaan bahan bungkusan yang lebih secocok dengan alam sekitar (environment friendly) dengan izin, terutamanya bahan yang mudah bio-urai (biodegradable), dengan izin. Langkah-langkah lain yang diambil adalah dengan menggalakkan pihak industri melaksanakan sistem pengurusan alam sekitar yang juga akan meliputi aspek pembungkusan hasil yang mengambil kira impact ke atas alam sekitar. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 8, 16, dan 18 hingga 46 akan dijilid dalam buku berasingan).

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesembilan” (2hb April 1996)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Kinabalu, sila sambung.

3.37 ptg.

Tuan Henrynus Amin (Kota Kinabalu): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan pada hari kelmarin saya telah menyentuh mengenai dengan masalah dalam dua perkara. Saya telah mengatakan bahawa kenyataan yang terkeluar daripada Ketua Pemuda UMNO telah disiarkan oleh *Bername* dan kita faham bahawa ada penafian daripada Ketua Pemuda tersebut, namun demikian, kita masih tidak mendengar penafian daripada *Bername* ataupun *Bername* meminta maaf sebab kesilapan terhadap ungkapan seperti demikian. Walau bagaimanapun perkara ini saya anggap sangat serius oleh kerana bukanlah kali pertama di mana soal 20 Perkara itu dihapuskan telah timbul. Perkara ini juga telah pernah ditimbulkan di masa-masa yang lalu, malah pernah diungkapkan supaya 20 Perkara itu dibuang di tong sampah, misalnya.

Saya ingin mengingatkan Dewan ini bahawa perkara 20 Perkara ini sangat sensitif bagi rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak. Oleh kerana dokumen 20 Perkara ini telah menjadi asas kepada

Perjanjian Malaysia. Ertinya dokumen 20 Perkara telah digubal oleh pemimpin-pemimpin kemerdekaan Sabah dan Sarawak untuk disampaikan kepada pihak Kerajaan Persekutuan (Malaya, pada ketika itu, juga pihak British) dan ianya telah menjadi asas di mana Sabah dan Sarawak telah bersetuju untuk menggabungkan diri dalam penubuhan Persekutuan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Perkara ini sangat sensitif oleh kerana dokumen 20 Perkara telah memberikan keistimewaan khusus kepada Sabah dan Sarawak, di antaranya bukan sahaja kuasa-kuasa Kerajaan Tempatan tetapi juga kuasa terhadap tanah, perhutanan, perlombongan dan juga imigresen dan lain-lain lagi. Jadi, sekiranya perkara ini masih diungkapkan dengan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan implikasi terhadap keutuhan negara, pada pendapat saya, tindakan seperti demikian tidak bertanggungjawab oleh kerana ianya menyinggung sebahagian besar rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak. Jadi, kita ingatkanlah kepada pemimpin-pemimpin politik supaya perkara ini jangan kita ungkit-ungkitkan dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, sudah terbukti di Sabah, semua parti komponen Barisan Nasional juga telah mengeluarkan kenyataan termasuklah Ketua Menteri Sabah sendiri yang menyatakan bahawa perkara ini sepatutnya tidak ditimbulkan. Kita ingat juga salah seorang Ketua dalam parti Barisan Nasional minta kepada Ketua Pemuda UMNO untuk meminta maaf, tetapi sampai pada hari ini kita belum dengar kenyataan minta maaf dan tidak salah kalau saya juga menyatakan di sini bahawa beliau seharusnya meminta maaf kepada rakyat Malaysia, terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan mengenai dengan masalah 20 Perkara untuk dihapuskan ini timbul oleh kerana

kontroversi untuk mengurangkan kuasa Ketua Menteri. Saya amat hairan mengapa perkara kuasa Ketua Menteri ini menjadi isu yang begitu besar dan isu ini telah ditimbulkan oleh kerana dalam menyelesaikan masalah Ketua Menteri secara bergilir-gilir, pada pendapat saya isu untuk mengurangkan kuasa Ketua Menteri ini hanya sebagai satu helah sahaja. Oleh kerana saya telah mengkaji Perlembagaan Negeri Sabah bahawa tidak ada satu ayat pun yang menggariskan bagaimanakah Ketua Menteri itu menjalankan tugas beliau ataupun bagaimanakah kuasa itu dapat dilaksanakan oleh kerana apa yang ada, adalah sebagai seorang Ketua Menteri yang bertanggungjawab bersama dengan Kabinet dan kalau pun ada perundangan yang harus diubah, haruslah undang-undang seperti Ordinan Tanah (Land Ordinance), Enakmen Perhutanan, mungkin Perintah Am dan lain-lain lagi yang sebenarnya menentukan sistem dan prosedur bagaimanakah sesuatu perkara itu diputuskan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sangat menakutkan rakyat di negeri Sabah oleh kerana kami anggap bahawa kuasa Ketua Menteri itu adalah sebagai keistimewaan yang telah diberikan kepada Sabah dan Sarawak. Oleh kerana dalam mentadbir Sabah dan Sarawak tidaklah sama seperti mentadbir negeri Melaka ataupun Perlis. Oleh kerana kita tahu bahawa Sabah dan Sarawak begitu besar dan potensinya begitu besar dan sejarah kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia adalah berlainan sekali dengan negeri-negeri yang lain dan keistimewaan ini adalah satu perkara yang sensitif oleh kerana sekiranya kuasa Ketua Menteri diturunkan, banyak ataupun ramai yang beranggapan bahawa hak-hak keistimewaan negeri Sabah juga akan dikurangkan. Kita tidak mahu bahawa prestasi Ketua Menteri kita dikurangkan ataupun diturunkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya adalah lebih baik untuk mempunyai ketua menteri yang bukan sehaluan dengan kita dengan kuasa yang cukup untuk mentadbir negeri daripada mempunyai ketua menteri yang sehaluan dengan kita tetapi tidak cukup kuasa untuk mentadbirkan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit komen dengan kawan saya dari Libaran mengatakan bahawa, orang yang gila kuasa sahaja yang tidak setuju dengan pengurangan kuasa. Pada pendapat saya perkara seperti ini sebenarnya tidak timbul. Sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Libaran serius mengenai perkara ini, kita mintalah beliau mencadangkan supaya kuasa Ketua Menteri di Sarawak juga dikurangkan dan kita minta juga supaya kuasa Perdana Menteri itu dikurangkan. Dan kita mahu dengar apakah jawapan Perdana Menteri, apakah jawapan Ketua Menteri Sarawak? Kalau mereka tidak bersetuju, jadi, adakah tuduhan seperti demikian akan ditujukan juga kepada mereka yang saya sebutkan tadi?

Tuan Yang di-Pertua, perasaan rakyat sebenarnya harus diambil kira dalam perkara ini. Kita tidak boleh mengubah undang-undang sewenang-wenangnya hanya oleh kerana "political expediency", sedangkan kita tahu bahawa janji untuk menggilir-gilirkan ketua menteri ini tidak popular di kalangan Barisan Nasional sendiri, UMNO kita tahu tidak bersetuju dengan perkara ini, banyak kenyataan di akhbar telah dinyatakan dan kita tahu juga bahawa pada ketika ini ketua menteri bergilir-gilir ini telah ditunda sehingga masa yang tidak ditentukan, mungkin selepas bulan Oktober tahun ini, kita tidak tahu apa akan berlaku. Mungkin juga bergilir-gilir ini akan diteruskan selepas itu, hanya menunggu bulan Oktober ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kestabilan politik juga, kita rasa

di negeri Sabah ini, masalah kestabilan politik ini sangat diragui oleh kerana dalam keadaan rasa takut-takut di kalangan rakyat Malaysia di negeri Sabah, baru-baru ini serangan lanun di Semporna oleh orang-orang asing. Masalah ini sebenarnya, hanyalah apa yang kita hendak lihat di luar sahaja, tetapi kita belum menyentuh mengenai dengan masalah yang lebih dalam lagi, khususnya kalau kita memikirkan tentang kehadiran lebih daripada 500,000 pendatang asing di Sabah.

Apabila Sabah dan Sarawak telah menyertai gagasan Malaysia, salah satu faktor yang terpenting sekali dalam perkiraan kita adalah soal keselamatan. Kalau kita baca sejarah, jelas sekali bahawa Sabah telah menyertai gagasan Malaysia oleh kerana takut kepada ancaman tuntutan Filipina terhadap negeri Sabah dan juga dasar konfrontasi Indonesia terhadap Sabah. Dan perkara ini telah mempercepatkan supaya Sabah menyertai Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita bangga bahawa kita telah berjaya menubuhkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat yang mempunyai harapan besar untuk menjadikan landasan bagi kita untuk maju seiring dan sejalan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Tetapi hakikat pada ketika ini kita lihat bahawa kehadiran lebih kurang 500,000 pendatang haram di Sabah dan Sarawak, ertinya ancaman itu bukan lagi di luar tetapi sudah berada di dalam sini. Dan janji untuk melindungi Sabah dan Sarawak daripada ancaman ini sekarang seolah-olah sudah tidak tertunai. Apatah lagi sepuluh orang boleh menyerang Semporna sesuka hati dan di Lahad Datu juga telah diserang sesuka hati, pihak musuh boleh datang dengan sewenang-wenangnya tanpa kemampuan pihak keselamatan kita untuk mempertahankan kedaulatan negara, untuk mempertahankan sempadan negara.

Kita mempunyai polis yang ditembak, apa lagi orang awam, polis sendiri ditembak sampai mati. Kita mempunyai anak-anak dirogol, dirompak, dibunuh dan lain-lain lagi. Dan kalau kita lihat tentang kes-kes kriminal yang kita lihat, terlalu banyak yang telah dilakukan oleh penderatang-penderatang ini. Saya ingin mengingatkan Dewan ini, bahawa kita baca sejarah tentang penubuhan Malaysia dan perkara ini sangat serius, oleh kerana inilah harapan rakyat Malaysia di Sabah untuk mendapatkan perlindungan dan itulah sebabnya berkali-kali kita suarakan di Dewan ini, supaya perkara ini diselesaikan. Kita jangan tunggu sampai masalah ini sudah menjadi tenat apabila "the balance" dari segi demographynya sudah berubah. Jangan lupa bahawa di utara ada 70 juta daripada Filipina dan di selatan ada 200 juta.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bagi saya sangat serius kalau kita tidak memandang berat tentang perkara ini, kita selesaikannya ataupun cuba menyelesaikannya pada saat ini dan tidak menunggu sampai ianya menjadi lebih tenat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dengan penderatang asing ini, salah satu dalam perhatian saya, bahawa mereka ini bekerja di Sabah dan mendapat gaji. Apabila mereka mendapat gaji, rata-rata dapat lebih kurang RM500 seorang. Sekiranya ada 300,000 di antara mereka bekerja mendapat RM500 gaji, mereka akan belanja RM200 dan hantar ke negara masing-masing RM300 seorang. Kalau kita mempunyai 300,000 orang, ini bermakna bahawa setiap bulan wang kita keluar daripada Sabah adalah lebih kurang RM90 juta. Ini bermakna bahawa dalam 12 bulan lebih kurang RM1.08 bilion.

Jadi, apabila kita menghadapi masalah tentang akaun defisit yang begitu besar, kita lupa bahawa ini adalah satu cara di mana wang kita keluar daripada negara ini tanpa rekod, tanpa kita ketahui melalui statistik yang kita ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali adalah mengenai dengan janji Kerajaan Barisan Nasional di Sabah mengenai dengan ketelusan dalam sistem pentadbiran pada ketika ini. Kononnya pengurangan kuasa itu untuk menyelesaikan masalah supaya ada ketelusan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya berani mengatakan di sini, bahawa apa yang sedang berlaku pada ketika ini sebenarnya, bukanlah ketelusan oleh kerana banyak perkara yang kita lihat yang kita tidak senang. Kadang-kadang saya hairan mengapa ACA tidak bertindak ataupun berdiam diri, misalnya penswastaaan kenderaan, kereta-kereta di negeri Sabah pada ketika ini. Pada 20hb Mei, 1995 telah ditandatangani satu perjanjian di antara sebuah syarikat dengan kerajaan negeri untuk menswastakan kenderaan. Dan ini melibatkan semua kenderaan kerajaan telah diswastakan, tetapi pada 1996 kerajaan masih membeli kereta dan kereta ini akan diserahkan kepada syarikat dan syarikat itu akan menyewakan ini balik kepada kerajaan sehingga banyak orang merungut bahawa kos kerajaan sudah bertambah berlipat kali ganda, lima kali ganda dan mungkin sepuluh kali ganda.

Pada pendapat saya juga apabila perjanjian ini sudah dibuat, sepatutnya syarikat ini yang akan memberikan kenderaan kepada kerajaan dan kerajaan tidak lagi membeli tetapi kerajaan membeli mungkin kerana mengelakkan duti terhadap kenderaan-kenderaan tersebut dan perkara ini tidak disiasat.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ke saat ini tidak ada orang tahu di mana perjanjian itu dan bila perjanjian itu dibuat. Kita mintalah supaya pihak yang berkenaan kalaulah mengatakan ada ketelusan dalam

pentadbiran, biarlah, jangan tunggu sampai kuasa ketua menteri dikurangkan, ianya harus dilakukan sekiranya ada keikhlasan dalam perkara ini.

Kalau perkara ini tidak dibuat, ini hanya kita bercakap sahaja, tetapi sebenarnya dalam hati tidak ada niat dan dalam pengurangan kuasa ketua menteri ini pun, kita tidak tahu apa niat yang terselit di sana, bagaimanakah ianya akan dilakukan. Sebab masih banyak kontroversi, misalnya kawasan kayu balak, diberi sampai beratus ribu ekar untuk 100 tahun kepada syarikat-syarikat dan lain-lain lagi dan banyak perkara yang harus disiasat dan kita minta ACA buka mata dan lihat dan cuba bertindak supaya memastikan bahawa apa yang ada ini, apa yang dikatakan ketelusan misalnya, transparency misalnya, bukan cakap sahaja tetapi harus dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, namun demikian, saya mengucapkan terima kasih kerana kesempatan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Senai.

3.47 ptg.

Tuan Lim Si Cheng (Senai): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ingin saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk berucap menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Yan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dititah oleh Seri Paduka Baginda, kepesatan perkembangan ekonomi disertai dengan suasana politik dan sosial yang teguh telah menyebabkan negara ini bersedia memasuki fasa kedua

pembangunan. Ketibaan abad ke-21 menuntut bangsa Malaysia melengkapkan diri dalam semua aspek dan penting bagi menghadapi pelbagai cabaran yang kita yakin lebih memerlukan ketinggian integrasi kaum yang menjanjikan keharmonian.

Arus dan gaya hidup baru hasil meluasnya fenomena globalisasi memaksa kita segera menyesuaikan diri dengan perubahan mendadak supaya tidak tercacir dalam perlumbaan kemajuan yang makin pantas berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini, kita terpaksa menghadapi ledakan teknologi maklumat. Banyak kemungkinan kesan positif dan negatif sudah dibincangkan. Kita akui teknologi mampu meningkatkan martabat bangsa Malaysia tetapi teknologi juga boleh meruntuhkan budaya bangsa, oleh itu kehadiran cendekiawan sebagai kuasa penimbang dirasakan amat perlu sebelum kita menerima berbagai ilmu baru, khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh pada Persidangan Parlimen bulan depan akan menunjukkan garis panduan pembangunan lima tahun negara yang menetapkan bidang sosial sebagai tumpuan selain ekonomi. Langkah ini pastilah bertepatan dengan usaha yang akan diambil untuk mengatasi kepincangan sosial.

Selama ini negara kita sudah banyak memberikan penumpuan kepada aspek pembangunan, sains dan teknologi dan sudah tiba masanya untuk kita membentuk keseimbangan antara aspek jasmani dan rohani supaya ia seiring dengan pembangunan pesat ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keghairahan kita mengejar matlamat Wawasan 2020 dengan menunjukkan bangsa Malaysia, saya menyokong

pendapat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Kewangan bahawa kita tidak dapat menerima penjelasan Negara Jepun yang menyatakan mereka tidak dapat melakukan banyak untuk menyelesaikan masalah kenaikan Yen lebih 300% terhadap pinjaman Malaysia. Keengganan Jepun bertindak menangani kenaikan nilai Yen hingga membebankan negara membangun membiayai pinjaman luar negara mereka adalah satu bentuk eksploitasi kerana faedah atas pinjaman yang kita buat 10 atau 15 tahun lalu menjadi lebih besar daripada pinjaman sebenar.

Walau bagaimanapun, saya percaya negara kita akan terus menerajui kebanyakan negara-negara Asia lain dengan pertumbuhan ekonomi negara memandangkan ekonomi negara kita mencatatkan pertumbuhan tinggi bagi 8 tahun berturut-turut di bawah pemerintahan Barisan Nasional sekarang. Pertumbuhan yang menggalakkan ini bukan sahaja memberi kemakmuran kepada negara keseluruhannya malah rakyat sama-sama turut menikmati limpahan kekayaan ini.

Pada suku ketiga tahun 1995, ekonomi negara juga mencatatkan pertumbuhan 8.8% dalam Keluaran Dalam Negara Kasar di samping berjaya mengawal inflasi pada paras yang rendah. Kekukuhan ekonomi negara dijangka berterusan dengan ramalan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar 8.7% dalam tahun 1996 dan 8.4% pada tahun 1997 oleh Institut Pendidikan Ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, usaha kerajaan membuka peluang baru kepada pengusaha dan pedagang tempatan memasuki pasaran baru di luar negeri khasnya di negara-negara membangun seperti Afrika, Amerika Selatan dan Asia Tengah adalah amat tepat pada masanya. Kegiatan-

kegiatan perdagangan antarabangsa ini bukan sahaja dapat mempereratkan perhubungan negara kita dengan negara-negara membangun yang lain, malah akan menyesuaikan pedagang-pedagang Malaysia berniaga dalam suasana yang berlandaskan konsep globalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini sektor swasta perlu mengambil kesempatan ini meningkatkan usaha ke arah membentuk dan melahirkan tenaga kerja mahir. Memandangkan kerajaan juga turut meningkatkan kapasiti sektor perkhidmatan negara, syarikat multinasional perlu mencipta lebih hubungan dengan pembekal dalam negara sekaligus meningkatkan penggunaan bahan tempatan dalam pengeluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada sidang Dewan yang berlangsung pada bulan Disember 1995 lalu, ramai rakan kita telah membangkitkan masalah tentang IWK. Sungguhpun perkara ini telah banyak dibangkitkan tetapi sehingga hari ini aduan-aduan berkaitan dengan perkhidmatan IWK dan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat jelata masih berterusan. Tindakan IWK mengenakan caj bayaran pembentungan yang tinggi masih menjadi satu isu yang hebat dibangkitkan. Kes-kes yang dibangkitkan di pejabat IWK adalah difahamkan juga tidak diberi penjelasan-penjelasan yang konkrit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya menyokong penuh kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa sesetengah bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh IWK kepada para pengguna adalah tidak berasas. Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, IWK tidak sepatutnya mengenakan bayaran kepada pengguna jika tiada sebarang perkhidmatan diberikan. Orang ramai tidak kesah untuk membayar caj perkhidmatan itu tetapi masalah pembentungan yang dikatakan diberikan itu tidak ada langsung.

Kejadian IWK yang didakwa membuang sisa kotoran ke dalam sungai di Dungun, Terengganu baru-baru ini bukan sahaja bercanggah dengan matlamat kerajaan tetapi juga jelas membuktikan kelemahan pentadbiran dan sikap tidak bertanggungjawab pihak berkenaan dalam melaksanakan tugas. Pihak berkenaan seharusnya menyalurkan sisa kotoran ke dalam kolam pembentungan berhampiran sehingga loji pembentungan dibina di kawasan itu. Saya berharap sebagai syarikat yang dipertanggungjawab oleh kerajaan untuk melaksanakan kerja-kerja merawat sisa buangan air yang diswastakan kepadanya, IWK perlu mengambil langkah segera dan positif untuk mengatasi setiap masalah yang dirujuk kepadanya. Penswastaan IWK hanya boleh berjaya sekiranya memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna dan menjamin kebersihan sumber air serta kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk meluahkan pendapat saya bahawa penyediaan rumah yang mencukupi, selesa dan mampu dinikmati oleh semua golongan rakyat adalah salah satu daripada matlamat sosial utama dalam pembangunan negara kita. Pihak awam merasa bimbang terhadap penyelewengan dalam proses pengagihan rumah kos rendah akan mengakibatkan golongan miskin tidak dapat memperolehi rumah sendiri sungguhpun kerajaan terus melaksanakan berbagai projek-projek perumahan jenis ini. Kebimbangan ini bukan kekurangan asas memandangkan keperluan rumah kos rendah bagi tempoh 1996 hingga 2000 adalah dianggarkan sebanyak 194,000 unit dan sebahagian besarnya untuk memenuhi keperluan di kawasan bandar manakala pencapaian kerajaan-kerajaan negeri dalam membina rumah-rumah kos rendah sepanjang Rancangan Malaysia ke-6 hanya di sekitar 40% sahaja. Baru-baru ini masalah penyelewengan dalam proses pengagihan rumah kos rendah juga dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa kepentingan orang ramai turut terabai dengan wujudnya rundingan di belakang atau pakatan lain termasuk pemberian habuan/komisen serta layanan baik oleh golongan yang ingin membolot kekayaan daripada projek perumahan terhadap pemaju yang tidak bertanggungjawab. Sekiranya perkara ini diteruskan, matlamat kerajaan untuk memenuhi keperluan rumah semua pihak khususnya golongan berpendapatan rendah hanya merupakan satu impian.

Fenomena yang berlaku sekarang ialah rumah-rumah sosial itu yang pada asalnya diperuntukkan hanya kepada rakyat yang berpendapatan rendah telah berjaya dibeli oleh golongan berpendapatan tinggi dan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang kemudiannya menyewakannya kepada orang lain untuk mendapat untung besar.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Mereka yang kurang kemampuan dan tidak mahu menjadi setinggan pula terpaksa menyewa di rumah-rumah berkenaan walaupun bayarannya agak tinggi, di antara RM400 hingga RM600 sebulan. Pendapatan ini akan bertambah banyak lagi apabila mereka membesarkan rumah kos rendah tersebut serta menambah sehingga lima bilik atau lebih dan menyewakannya. Sebuah bilik pula disewakan dengan kadar RM150 hingga RM250 sebulan. Keuntungan yang diperolehi oleh golongan sedemikian akan bertambah lagi sekiranya beliau menyewakan lebih daripada sebuah rumah.

... berpendapat bahawa syarat pendapatan tetap yang selama ini dikemukakan oleh institusi kewangan terhadap pemohon yang berpendapatan tidak tetap adalah penghalang utama bagi golongan ini mendapatkan pinjaman bank.

Kelonggaran syarat ini pada masa akan datang akan memberi peluang kepada golongan yang tidak mendapat pendapatan tetap, umpamanya penternak, nelayan, petani, buruh, peniaga kecil dan sebagainya untuk menikmati rumah yang lebih baik dan selesa.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menyediakan peraturan dengan hanya membenarkan seorang rakyat negara ini yang berkelayakan memiliki sebuah rumah kos rendah. Saya mengucapkan tahniah kerana baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah membuat kenyataan sedemikian.

Usaha ini boleh dilaksanakan apabila kerajaan mewujudkan rangkaian pendaftaran berpusat dengan sistem pendaftaran terbuka berkomputer untuk mengawal selia kegiatan penjualan rumah kos rendah ini di negara kita. Sebagai alternatif lain, kerajaan negeri boleh juga memperbanyakkan lagi skim rumah kos rendah untuk disewakan kepada golongan berpendapatan rendah di bandar besar yang menghadapi masalah kekurangan tanah.

Jika masalah rumah kos rendah ini tidak diatasi segera oleh pihak yang bertanggungjawab, ini bukan sahaja menidakkan hak mereka yang layak, malahan menggagalkan wawasan murni negara kita untuk melihat negara kita maju dan bersih menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah rumah kos rendah, tindakan yang segera perlu diambil terhadap penempatan haram yang dibina oleh pendatang tanpa izin di seluruh negara memandangkan masalah perkampungan haram pendatang tanpa izin kian serius di negara ini. Seperti mana yang dilaporkan baru-baru ini di akhbar tempatan, terdapat lima

perkampungan haram yang diwujudkan di negeri Selangor. Perkara ini memang telah hebat dibangkitkan buat masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan perkampungan setengah rakyat asing yang didirikan di atas tanah simpanan kerajaan di negara ini semakin bertambah. Mengikut anggaran Kementerian Dalam Negeri, terdapat 72 perkampungan sedemikian wujud di Lembah Kelang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan supaya kerajaan negeri meninjau apa sebabnya pelan perumahan diluluskan oleh pihak yang bertanggungjawab. Jika sikap toleran masih dipraktikkan, masalah perumahan setinggian pendatang asing yang berlarutan akan menimbulkan berbagai kesulitan kepada orang ramai dan kerajaan. Misalnya, rompakan, rogol dan kecurian yang bertambah serius di negara ini. Tambahan pula kegagalan kerajaan negeri dalam melaksanakan tugas dengan adil dan saksama akan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat tempatan yang telah hampa dan bosan setelah berpuluh-puluh tahun membuat permohonan perumahan melalui prosedur dan syarat yang sah dari segi undang-undang.

Sikap pihak berkuasa tempatan yang sering mengelak tanggungjawab mereka dengan menuding jari kepada pihak berkuasa yang lain perlu juga ditinjau dan diperbaiki. Usaha menahan pendatang asing daripada terus menebang hutan atau menghakis sungai akan gagal sama sekali sekiranya tiada kerjasama dan bantuan antara agensi-agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, manusia memang memerlukan rumah untuk mereka tinggal. Seperti rakyat Malaysia, pekerja asing apabila dibawa ke negara

kita juga perlukan tempat untuk mereka. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan dapat menentukan satu syarat bahawa semua pekerja asing yang dibawa ke negara kita untuk bekerja, majikan yang berkenaan adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah kediaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin merayu kepada Kementerian Dalam Negeri, saya ingin memohon supaya sebuah pejabat imigresen dapat beroperasi di daerah Segamat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dijanjikan kepada penduduk-penduduk di daerah Segamat, negeri Johor. Akan tetapi, sehingga hari ini, janji masih belum ditunaikan. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, buat masa ini penduduk-penduduk daerah Segamat jika ingin membuat permohonan untuk pasport terhad atau pasport antarabangsa, mereka terpaksa mengambil cuti untuk memproses permohonannya di daerah Muar, Melaka, Johor Bahru atau Batu Pahat. Kadangkala, setelah mereka sampai di pejabat tersebut, nombor giliran untuk hari tersebut telah habis, maka dikehendaki pulang dan balik semula pada hari esoknya.

Tuan Yang di-Pertua, setelah permohonan mereka diproseskan, mereka juga perlu mengambil satu hari cuti lagi untuk ke pejabat yang berkenaan untuk membawa balik pasport yang telah diproses. Tuan Yang di-Pertua, ini telah menyebabkan penduduk-penduduk di daerah Segamat merasa tidak puas hati terhadap pihak yang berkenaan. Saya memohon supaya Kementerian Dalam Negeri dapat mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan istiadat pembukaan sidang Parlimen kali ini pada 25hb Mac 1996 yang lalu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tambun.

4.09 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dalam *The New Straits Times* 2 April 1996, Timbalan Menteri Besar kedua Kelantan mengatakan, dengan izin:

“Yayasan Kelantan had entered into joint-venture, with a company to buy shares to avoid risks. We do not have professionals in YAKEN to deal with share matters. So, we got people who knows about it to do it for us.”

Aktiviti yang dilakukan oleh Yayasan Kelantan boleh dianggap sebagai aktiviti “luar biasa”. Saham Hicom dan lain-lain saham yang diterima daripada Kementerian Kewangan, umum mengetahui merupakan pelaburan tidak berisiko dan oleh kerana saham-saham ini pada harga rendah dan di bawah harga terbitan BSKL, bank memberi pinjaman 100%. Dengan berkongsi keuntungan 50-50, Yayasan Kelantan menerima hanya 50% daripada keuntungan jualan. Saya berharap Kerajaan Kelantan akan menyiasat siapakah tuan punya syarikat swasta tersebut supaya dapat diketahui motif sebenar di sebalik usahasama tersebut. Aktiviti luar biasa juga berlaku di beberapa agensi kerajaan yang lain. Yang menyedihkan agensi-agensi tersebut ditubuh atas tujuan untuk meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi kaum bumiputera. Sebuah agensi kerajaan menjual tanah pertanian seluas 2,000 ekar

kepada syarikat bukan bumiputera dan menerima harga jualan lebih kurang RM2 juta. Tanah tersebut jika dimajukan dengan ladang kelapa sawit, selepas lima tahun mampu memberi pulangan RM5 juta setahun.

Terdapat beberapa agensi pula terlibat dalam aktiviti luar biasa tetapi dalam bentuk lain. Sejak akhir-akhir ini dengan pembangunan pesat, terdapat agensi kerajaan terlibat pula dalam mega projek secara usahasama. Salah sebuah projek tersebut melibatkan pembangunan 4,000 unit kondominium, pangsapuri dan apartment dan 1,000 unit rumah pangsa kos rendah yang didirikan di dalam kawasan majoriti penduduknya bumiputera dan masih ramai daripada kaum bumiputera di kawasan tersebut belum memiliki rumah. Mengikut perjanjian, 30% adalah kuota bumiputera. Berapa ramaikah kaum bumiputera yang mampu membeli kondominium, pangsapuri dan apartment? Saya percaya yang termampu dibeli oleh kaum bumiputera hanyalah rumah pangsa kos rendah. Daripada kajian saya, paling maksimum hanya 1,000 unit daripada 5,000 unit yang mampu dibeli oleh kaum bumiputera. Kesan daripada projek ini akan berlaku perubahan demografi secara besar-besaran yang tentunya merubah posisi geopolitik kawasan tersebut. Agensi-agensinya kerajaan tadi yang sepatutnya menjaga kedudukan sosio-ekonomi kaum bumiputera termasuk orang Melayu secara langsung telah terlibat dalam aktiviti yang akhirnya merugikan dan membahayakan kaum bumiputera. Kegiatan seperti ini mengkhianati Dasar Ekonomi Baru.

Saya menyeru kepada kerajaan terutama Kementerian Pembangunan Usahawan supaya mengambil tindakan tegas dengan mengarahkan agensi-agensinya menjauhi daripada aktiviti-aktiviti tersebut. Projek-projek usahasama yang sedang dilaksanakan hendaklah dikaji semula secara menyeluruh sama

ada ia menguntungkan atau tidak kaum bumiputera supaya ia selari dengan tujuan agensi tersebut ditubuhkan.

Dalam perubahan dunia yang pesat dengan kawasan Asia Pasifik membangun sebagai pusat ekonomi dunia, sedang negara-negara dunia terlibat dalam "reinventing organisation for the 21st century", dengan izin, agar negara kita duduk di hadapan pada abad 21, Agenda abad 21 kita adalah organisasi perlu ditingkatkan kepada taraf world class. Antara kelemahan-kelemahan dalam agensi-agensi kerajaan yang saya nyatakan tadi disebabkan beberapa faktor. Pertama, lembaga pengarah yang tidak efektif. Dalam hubungan ini, sudah tiba waktunya, ahli-ahli lembaga pengarah hendaklah dilantik daripada kalangan mereka yang berpengalaman dan berpengetahuan.

Kedua, pengurusan yang tidak profesional. Bila kita lihat laporan Ketua Audit Negara ke atas Yayasan Kelantan, mahupun episod MARA dan berbagai agensi lagi, ia menggambarkan pengurusan yang tidak cekap, tidak efisien dan tidak efektif. Ia membuat kita ragu adakah pegawai-pegawai yang dilantik mempunyai kelulusan dan pengalaman yang mencukupi. Biasanya seorang lulusan Sarjana Muda Ekonomi yang baru keluar daripada universiti tanpa sebarang pengalaman dilantik menjadi Pegawai Projek. Beliau ditugaskan menjaga sebuah projek perumahan dan report kepada Pengurus Projek yang juga tidak cukup pengalaman kerana melalui proses yang sama seperti pegawai tadi. Projek tersebut menggunakan konsultan luar dan besar kemungkinan merupakan projek usahasama. Oleh kerana terdapatnya konsultan dan penglibatan rakan usahasama, Pegawai Projek tadi akhirnya hanya terlibat dalam tugas-tugas untuk mendapatkan kelulusan statutory daripada pejabat tanah dan majlis-majlis tempatan. Dalam erti kata lain, pegawai tersebut terlibat dalam kerja-kerja

pentadbiran, bukan kerja-kerja pengurusan. Selepas 5 hingga 10 tahun, beliau sudah cukup senior dan dinaikkan pangkat, mula-mula Penolong Pengurus, kemudian Pengurus. Beliau tidak mengikuti kursus-kursus ikhtisas melainkan menghadiri kursus jangka pendek dan pengalaman kerja di agensi tersebut.

Cuba kita bayangkan, Pengurus Projek yang saya nyatakan tadi yang tidak berpengalaman, bila berhadapan dengan pengurus projek daripada syarikat rakan kongsi swasta yang telah terlibat dalam mengurus pembinaan projek menara dan beberapa projek perumahan besar di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang. Pengurus projek dari rakan kongsi swasta mengetahui selok belok pengurusan projek, kewangan, pembinaan, alat-alat pembinaan dan pasaran serta masalah-masalah projek. Saya bimbang pengurus tadi "ditelan" sahaja oleh pengurus projek dari rakan kongsi swasta.

Jalan yang paling senang untuk mengelakkan daripada menghadapi masalah tersebut adalah dengan menjual tanah ataupun terlibat secara usahasama walaupun merugikan diri sendiri. Padahal, berdasarkan kepada kedudukan kewangan yang kukuh, agensi tersebut mampu melaksanakan mega projek secara sendirian.

Saya merujuk balik kepada kata-kata Timbalan Menteri Besar 2 Kelantan, dalam *The New Straits Times*:

"We do not have professionals in YAKEN to deal with share matters, so we got people who knows about it, to do it for us."

Saya berpendapat pengurusan agensi-agensi kerajaan perlu ditingkatkan tahap profesionalismenya, dari segi sistem pengurusan. Pengurus dan pegawai-pegawai profesional, memberi peruntukan besar untuk kursus dan latihan,

mengadakan institut latihan profesional untuk pegawai-pegawai mengikuti kursus jangka pendek, dan pegawai-pegawai yang ada diberi latihan (exposure) setahun di syarikat-syarikat korporat dan institusi-institusi kewangan. Apa yang kita mahu, agensi tersebut sendiri yang terlibat dalam pembangunan projek raksasa bukan secara usahasama.

Saya juga ingin menyentuh perkara yang kedua. Setiap bangsa yang berjaya mengamalkan falsafah hidup yang dinamik. Bangsa Cina mengamalkan falsafah hidup yang dibentuk melalui sistem motivasi yang diperkenalkan 2,000 tahun B.C. menggunakan buah-buahan, ternakan serta alat-alatan. Buah limau memberi makna matlamat hidup bangsa Cina adalah untuk mencapai kesejahteraan dan kekayaan. Gambar ikan emas dipukul arus bermakna untuk mencapai kejayaan kita mesti sanggup menghadapi cabaran-cabaran besar.

Al-Quran adalah kitab umat Islam. Umat Islam abad 8 hingga abad 14 menguasai politik dan ekonomi dunia berpegang kepada Al-Quran sebagai falsafah hidup. Bagi menghadapi agenda abad 21, kaum bumiputera terutama orang Melayu perlu mencapai taraf dunia dari segi sikap, ilmu, skil dan teknologi. Tahap competitiveness orang Melayu perlu ditingkatkan selaras dengan bangsa-bangsa yang berjaya jika kaum Melayu mahu meningkatkan penguasaan ekonomi.

Dalam hal ini, kekuatan dalaman orang Melayu perlu diperkukuhkan supaya kualiti dan kapasiti individu Melayu meningkat. Saya berpendapat sekiranya individu Melayu menjadikan Al-Quran sebagai pegangan dan falsafah hidup, kekuatan dalaman yang kita cari akan kita perolehi, yang bakal melonjak kapasiti kita menjadi bangsa berkualiti dari segi sikap, skil, teknologi serta penguasaan politik dan ekonomi.

Surah Al-Fatihah memberi petunjuk hidup bahawa Allah S.W.T. Maha Berkuasa dan kita dikehendaki berpegang hidup kepada jalan yang lurus untuk berjaya memotivasikan kita menjadi individu berkualiti.

Surah Al-Asr memberi motivasi kepada kita menggunakan masa secara berkualiti dan merasa rugi membuang masa.

Surah Al-Buruj menjadi motivasi bahawa untuk mencapai kejayaan, kita mesti sanggup menghadapi cabaran-cabaran besar, dengan itu kita tidak mudah putus asa.

Saya melihat semua individu Melayu tahu membaca Al-Quran tetapi tidak tahu maknanya. Saya mengesyorkan, demi kepentingan membina dan melahirkan umat berkualiti untuk agenda abad 21, kerajaan melalui Pusat Islam, Majlis Agama Islam, badan dakwah, TV, radio dan akhbar menjalankan program memindahkan ilmu Al-Quran kepada masyarakat Melayu yang akan menjadikannya pegangan dan falsafah hidup harian. Kita perlu melahirkan masyarakat minda Al-Quran. Usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Johor membudayakan Al-Quran perlu dijadikan contoh.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan ekonomi adalah untuk melahirkan masyarakat perdagangan bumiputera. Banyak teori dan pelaksanaan dikemukakan. Saya ingin menumpu kepada golongan bumiputera terbanyak iaitu golongan berpendapatan pertengahan, sederhana dan rendah yang meliputi lebih kurang 80% daripada bilangan bumiputera keseluruhan. Jika golongan ini berjaya dibangunkan, maka taraf sosio-ekonomi kaum bumiputera akan berganjak dengan hebatnya berbanding dengan bukan bumiputera. Kita bersetuju dengan pendapat masyarakat ini perlu melalui anjakan

paradigma sebagai asas untuk mencapai kejayaan cemerlang. Selain daripada program pendidikan, peluang latihan, pekerjaan dan program perumahan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan, saya berpendapat untuk mencapai perubahan drastik dalam masyarakat ini boleh berlaku melalui pelaksanaan projek cottage industry.

Saya pernah menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa di hampir setiap kawasan perumahan orang Cina terdapat "cottage industry". Setiap rumah terlibat dalam industri kecil melalui kontrak yang diperolehi dari kilang-kilang. Dengan sebab itu, kawasan perumahan orang Cina merupakan kawasan 30% residential dan 70% komersil yang melahirkan masyarakat yang kompetitif, manakala kawasan perumahan kaum bumiputera 100% residential. Kesannya ia melahirkan masyarakat bumiputera yang kurang kompetitif, dengan itu kita dapati anak-anak kaum bumiputera kurang berjaya dalam pendidikan dan masyarakat bumiputera kurang berjaya dalam ekonomi. Environment merupakan salah satu faktor penyebab kepada kejayaan dan kegagalan sesuatu individu dan bangsa.

Saya menyeru kepada kerajaan supaya program membina cottage industry di kawasan perumahan kaum bumiputera dijadikan program utama ke arah untuk membina kekuatan ekonomi kaum bumiputera. Perubahan lambat berlaku tanpa kita meletakkan sesuatu dalam masyarakat, dengan adanya cottage industry di rumah-rumah di kampung Melayu, ia akan membawa perubahan sikap masyarakat dan dengan penglibatan isi rumah dalam kegiatan ekonomi, ia menjadi catalyst pada pembangunan masyarakat perdagangan bumiputera masa akan datang.

Saya yakin dengan kuasa yang ada pada kerajaan dan dengan pertumbuhan

kilang-kilang begitu pesat dalam ledakan industri yang dialami sekarang, kerajaan boleh mengarahkan kilang-kilang untuk memberi kontrak bagi sebahagian aktiviti pengeluarannya.

Program secara tersusun melibatkan kuasa kerajaan dan pelbagai agensi kerajaan di samping masyarakat hendaklah diatur.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sepang.

4.24 ptg.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Yang di-Pertuan Agong, yang telah pun memberikan Titah Di-Raja di Dewan yang mulia ini pada hari Isnin 25hb Mac 1996 yang lalu bersamaan 5 Zulkaedah 1416 Hijrah.

Dalam dua perenggan pertama, Titah Di-Raja tersebut Baginda Yang di-Pertuan Agong secara langsung telah menyentuh tentang pegecapan kemakmuran yang semakin bertambah hasil dari iklim politik negara yang terus stabil. Pengiktirafan sebegini sememangnya kita nantikan kerana ianya memperlihatkan bahawa kematangan dalam berpolitik dan mentadbir negara yang sedang diamalkan oleh kerajaan kita hari ini, ditambah pula dengan berkat rahmat dari Allah S.W.T., adalah merupakan faktor penyumbang utama kepada kemakmuran dan keharmonian yang sedang dinikmati oleh semua pihak termasuk rakan-rakan kita dari pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara pertama dan utama yang disentuh di dalam Titah Ucapan Di-Raja tempoh hari yang saya rasakan merupakan intipati

utama. Segala isi titah tersebut adalah penekanan yang diberikan oleh Baginda kepada kepentingan pembangunan insan yang seutuhnya bagi mendokong mencapai taraf negara maju dan makmur seperti yang diimpikan di dalam Wawasan 2020.

Pembangunan insan jelas merupakan teras kepada segala bentuk pembangunan dan landasan utama bagi menyiapkan masyarakat kita menghadapi cabaran abad ke-21. Pembangunan insan ini meliputi segenap segi, dari aspek kerohaniannya, ilmunya, teknikalnya, akhlaknya dan lain-lain lagi. Pelbagai program latihan nampaknya telah digariskan oleh pihak kerajaan hari ini bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja yang sedia ada dan melatih tenaga kerja baru.

Pelaburan tinggi terhadap apa yang dikatakan 'modal manusia', ini jelas menunjukkan iltizam kerajaan, menyediakan masyarakat, kita menjadi masyarakat serba maju abad ke-21. Apa yang kita kawatiri di sini adalah kemungkinan berlakunya ketidak-seimbangan pengisian antara membina insan, memenuhi kehendak pasaran dan ekonomi dengan keperluan membina insan cemerlang, jiwa dan rohaninya.

Pengalaman barat sudah cukup memberikan pengajaran kepada kita bahawa peminggiran nilai rohani adalah pencetus kepada keruntuhan moral dalam masyarakat.

Penghujung tahun lalu dan awal tahun ini Dewan yang mulia ini telah dipanaskan dengan perdebatan isu-isu pendidikan serta bentuk nilai dan matlamat yang ingin diterapkan di dalam pelbagai Akta yang menyentuh institusi pendidikan di negara ini. Mungkin ada yang sudah terlupa kerana sibuk mencari isu-isu baru untuk menghangatkan Dewan ini atau mungkin ada yang tidak kisah sama sekali akan hala tuju pendidikan negara, cuma sekadar hendak mengkritik dasar dan falsafah pendidikan negara.

Kalau kita sedar konsep pembangunan insan secara menyeluruh ada diterapkan di dalam Akta Pendidikan 1995, melalui mukadimah yang meletakkan falsafah pendidikan negara sebagai hala tuju pendidikan negara ini. Mungkin ini adalah atas keprihatinan pihak kerajaan bahawa kalau nilai insan dipinggirkan, maka akan tercabut generasi pewaris masa depan dari akar agama dan umbi budayanya.

Pembangunan insan yang ingin saya tekankan di sini adalah pembangunan nilai rohani dan akal budi. Walaupun kita sedar peruntukan khusus untuk pendidikan agama, moral dan kenegaraan ada di dalam Akta, persoalan utama dan kekhuatiran kita di sini adalah; cukupkah hanya setakat itu.

Usaha kerajaan dalam memartabatkan intipati pembangunan insan amat kita alu-alukan, cuma kita perlukan lebih penegasan dari segi pelaksanaan. Kita khuatir atas dasar mempertahankan keuntungan mata pelajaran-mata pelajaran diajar sekadar 'melepas batuk di tangga', oleh itu kesannya tiada. Mata pelajaran sebegini harus dijadikan sebagai teras utama sebarang bentuk mata pelajaran. Pemahaman tentang tanggungjawab terhadap diri, Tuhan dan alam sekitar dalam melaksanakan sebarang bentuk pembangunan harus dititik beratkan. Tamadun besar dahulu seperti Rome, Yunani, Babylon mahupun Islam sendiri, yang pembinaan bangunannya lebih hebat dan kekal ke hari ini, adalah hasil pemahaman mereka akan pemeliharaan hubungan antara manusia, Tuhan dan alam tabie.

Kita perlu melahirkan lebih ramai jurutera, doktor, peguam mahupun ahli politik masa depan yang teguh keinsanannya dan sensitif pengamatannya tentang kesan pembangunan kepada alam dan manusia. Kita perlu maju, tetapi nilai kemanusiaan tidak perlu dikorbankan. Kita perlu canggih tetapi alam sekitar tidak perlu dicemarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Yang di-Pertuan Agong juga ada menyentuh bahawa untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya, kerajaan harus terus memperkasakan budaya sebagai dimensi pembangunan sosial. Rakyat yang berkualiti adalah asas yang penting untuk menghadapi arus pembangunan ini.

Bila kita bercakap tentang isu budaya, kita tidak boleh lari dari isu bahasa. Pembinaan insan juga berkait rapat dengan pengekalan identiti budaya dan penguatan bahasa. 'Bahasa Jiwa Bangsa' satu slogan keramat pada era enam puluhan dan tujuh puluhan dahulu, kini semakin sayup di negaranya. Bahasa Melayu walaupun secara rasminya Bahasa Kebangsaan, kita semakin layu di arena antarabangsa, malahan di peringkat tempatan, ada yang terang-terangan berani mencemar bahasa menghasilkan ungkapan dan istilah yang tidak sewajarnya. Kekeliruan mereka tentang isu bahasa jelas menunjukkan kekeliruan tentang identiti budaya sendiri. Pelbagai alasan dangkal diberikan untuk menghalalkan pencemaran. Yang lebih menyedihkan pihak yang diberikan tanggungjawab pun semakin lesu tindakan, cuma berharap kerajaan membuat susulan.

Perjuangan mendaulatkan Bahasa Melayu sesungguhnya merupakan sebahagian dari projek pemodenan, budaya dan pembentukan jati diri, negara, bangsa yang diwariskan oleh perjuangan nasionalisma Melayu Islam kepada kita.

Beberapa fenomena negatif sebagaimana ungkapan Profesor Tan Sri Dr. Awang Had Salleh sebagai sikap biadap terhadap Bahasa Kebangsaan semakin meningkat. Sikap biadap ini tidak semestinya ditunjangi dengan niat jahat atau khianat, tetapi mampu berlaku hasil dari kekeliruan hala tuju budaya dan krisis nilai. Contoh yang paling popular baru-baru ini ialah tindakan Polis DiRaja Malaysia menukar sebutan pangkatnya

kepada istilah-istilah Inggeris yang dieja mengikut sebutan Melayu, alasan untuk penyelarasan istilah pangkat di peringkat antarabangsa terlalu tidak meyakinkan. Provokasi bukannya tiket untuk mencemar nilai bahasa, penukaran sewenang-wenangnya tanpa rujukan kepada pihak yang berwajib amat dikesali, lebih-lebih lagi bila ianya dilakukan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia, badan penagak keadilan dan undang-undang negara.

Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditubuhkan pada tahun 1959 untuk memartabatkan Bahasa Melayu sejajar dengan perkembangan budaya ilmu dan nilai semasa nampak seperti gagal menangani masalah ini. Isu yang mulanya hangat diperkatakan sejuk kembali tanpa perubahan.

Dewan Bahasa dan Pustaka harus berani melaksanakan bidang kuasa sebagai badan tunggal memartabatkan Bahasa Melayu. Seksyen 6, Akta Dewan Bahasa dan Pustaka yang diwartakan pada 19hb November, 1995 sudah jelas memberikan kuasa kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menjadi pihak berkuasa tunggal membentuk, mencipta dan menyebarkan istilah Melayu, bidang kuasa sebagai penasihat, penguatkuasa perunding dan pembimbing penggunaan Bahasa Melayu juga jelas. Mungkin pihak-pihak tertentu di dalam Dewan Bahasa dan Pustaka harus meneliti kerana birokrasi dan kelembapan menangani permasalahan berhubung dengan isu bahasa. Kita juga mengharapkan agar pihak-pihak berwajib terus mengambil berat dan bertindak menangani masalah ini, kerana sekali empangan budaya pecah, sukar untuk kita kembali membendungnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Yan dalam ucapan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda tempoh hari ada menyentuh dengan agak panjang lebar tentang keperluan mengukuhkan

kedudukan ekonomi bumiputera dan meningkatkan pegangan ekonomi bumiputera dalam ekonomi dan hartanah. Penelitian beliau sangat kita hargai. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh di sini adalah tentang keperluan untuk meningkatkan peruntukan dana dalam saham yang telah diluluskan oleh syariah kepada bumiputera. Selama ini kita sedar dan menyanjung tinggi keprihatinan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam soal pembangunan sistem kewangan Islam yang unggul. Berbagai-bagai usaha memang telah dijalankan ke arah itu. Bahkan baru-baru ini telah diadakan satu persidangan khas menjurus ke arah penubuhan satu sistem pasaran kewangan Islam secara lebih global. Usaha-usaha murni lain sepertimana yang dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dengan melantik ulamak atau tokoh-tokoh agama sebagai penasihat dan jururunding untuk membangunkan pasaran modal Islam juga kita alu-alukan. Ini semua berpunca dari pemahaman yang semakin mendalam umat Islam negara ini akan konsep perdagangan menurut Islam itu sendiri.

Apa yang ingin saya ambil perhatian di sini adalah harapan agar pihak Kementerian Kewangan mengkaji semula atau menggubal sedikit dasar untuk mempertingkatkan lagi peratusan wajib, peruntukan saham-saham terbitan awam baru yang telah diluluskan oleh Bank Islam sebagai halal untuk diceburi oleh bumiputera. Sensitiviti umat Islam negara ini kepada soal halal dan haram, sesuatu bentuk perniagaan yang akan diceburi dan harus diberikan galakan.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Islam telah memainkan peranan mereka dalam menentukan soal halal dan haram. Kita berharap pihak Kementerian Kewangan pula memberikan insentif yang lebih dengan memberikan lebih wang untuk permodalan individu muslimin, sekaligus mewujudkan keadilan dalam penguasaan

ekonomi dan keberkatan dalam urusan duniawi.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda menyentuh juga tentang kemakmuran ekonomi yang telah dinikmati oleh rakyat secara keseluruhannya. Harapan tinggi Baginda terhadap pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 hingga 2000 tidak harus kita pandang enteng. Walau bagaimanapun, dalam mengejar kemajuan dan pembangunan ekonomi kita tidak harus lupa kepada mereka yang berkorban untuk pembangunan itu serta apa-apa juga yang telah dikorbankan atas label kemajuan.

Hari ini, sebagaimana yang telah diulas oleh Yang Berhormat dari Yan, tanah rizab Melayu semakin pupus atas nama kemajuan. Ulasan perangkaan atau statistik sudah pun diberikan Yang Berhormat dari Yan. Apa yang jelas di sini ada pihak-pihak yang berwajib di peringkat negeri nampaknya kurang mematuhi Artikel 89, Perlembagaan Persekutuan yang mewajibkan tanah rizab Melayu telah diambil diganti semula. Ada juga yang menggunakan Akta Pengambilan Semula Tanah 1990 dengan sewenang-wenangnya atas alasan pembangunan. Mereka yang telah diambil tanah pusaka terpinggir begitu sahaja tanpa pembelaan. Yang lebih membimbangkan dan menyedihkan adalah kebanyakan tanah yang diambil adalah sama ada tanah rizab Melayu atau tanah pusaka Melayu ataupun kawasan tanah yang sudah lama diteroka yang dibangunkan oleh orang Melayu.

Kita khatir jika trend ini, dengan izin, diteruskan, masyarakat bumiputera akan terus dipinggirkan dari bandar. Dan pegangan ekuiti hartanah orang Melayu akan semakin kurang. Cadangan dari Yang Berhormat dari Yan juga menarik perhatian. Mungkin ini boleh dijadikan alternatif Kerajaan Pusat untuk menangani masalah itu.

Saya juga ingin menarik perhatian mengenai pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tahun lepas bahawa beliau telah mengarahkan kajian terperinci dijalankan untuk menggubal, memperkemas dan meluaskan skop Akta Pengambilan Semula Tanah 1990 demi kepentingan rakyat. Keperluan untuk mengetatkan tatacara pengambilan tanah dan definisi tujuan pengambilan juga harus disegerakan supaya ianya tidak terus disalahgunakan. Kekeliruan tatacara selama ini telah banyak menimbulkan masalah, kerana garis panduan yang diberi tidak diikuti sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Pada pihak kerajaan sahaja rakyat sandarkan harapan untuk beroleh keadilan.

Kita kasihan kepada orang-orang kampung, penyokong setia kerajaan hari ini yang telah diambil tanah mereka tanpa penjelasan yang sewajarnya. Ingatan mereka dalam pembangunan yang dikata juga hampir tiada. Apa guna pembangunan jika hanya segelintir yang mampu menikmatinya. Apa guna pembangunan jika sekolah, perpustakaan rakyat, masjid, pusat kebajikan, rumah-rumah kerajaan yang bernilai sejarah dirobuhkan untuk memberikan laluan kepada hotel-hotel mewah dan pusat-pusat membeli-belah yang canggih yang hanya mampu dinikmati oleh golongan berada. Walaupun kedai-kedai perniagaan didirikan dan kuota bumiputera diperuntukkan, ianya terlalu mahal untuk disewa. Apatah lagi untuk dibeli kerana tiada modal. Akhirnya bumiputera akan terus terpinggir dalam arus pembangunan yang melanda di negara kita.

Saya rasa mereka yang telah diambil tanah ini lebih memerlukan keperluan infrastruktur asas. Pendidikan, kesihatan yang baik serta program-program pembangunan insan yang cemerlang bagi memastikan jenerasi baru yang lebih cemerlang, mengangkat martabat negara masa depan. Sekurang-kurangnya

sedialah peruntukan untuk mereka sama-sama berada di dalam arus pembangunan kawasan mereka. Saya yakin mereka bukannya antipembangunan, cuma tidak mampu turut serta dan mahukan keadilan. Cadangan penyelarasan di peringkat pusat oleh Yang Berhormat dari Yan untuk mengelakkan kekeliruan mungkin perlu diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, hampir seminggu sejak perbahasan bermula saya mendengar soalan dan ungkapan yang dikemukakan menyentuh secara langsung Akta Keganasan Rumah Tangga yang sekaligus menyentuh isu perlindungan wanita dan kanak-kanak dari keganasan di dalam rumah tangga. Sebagai seorang wanita dan sebagai seorang yang telah mengikuti Persidangan Wanita Sedunia di Beijing tahun lalu, saya rasa ada sedikit keperluan untuk meredakan ketegangan dan memberikan sedikit kewarasan dalam perbincangan kita tentang isu tersebut. Kita tidak mahu isu yang sebegitu penting dicanangkan dan dijadikan pentas permainan politik oleh pihak-pihak tertentu dalam memperolehi 'political game' dengan izin, di dalam masyarakat.

Gesaan supaya Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Kemajuan Masyarakat meletakkan jawatan sangat dikesali kerana gesaan sebegini menunjukkan rasa tidak hormat dan tiada pengiktirafan terhadap apa yang telah dilakukan selama ini. Sebagai seorang yang dikatakan mempunyai pemikiran yang waras, lebih-lebih lagi sebagai seorang mempunyai status pemimpin, saya rasa kita mampu lebih beradab dari itu. Memang sebagai wanita sebagai ibu, kita mahukan pelaksanaan akta tersebut disegerakan bagi memberikan keadilan kepada mereka yang teraniaya. Tetapi kita juga mahukan pelaksanaannya tidak secara terburu-buru, semata-mata untuk memenuhi desakan kumpulan tertentu. Kita tidak harus berpaksikan kepada nilai Barat semata-mata dalam memberikan keadilan di dalam masyarakat. Nilai

budaya dan keperluan kita sama sekali berkaitan. Krisis nilai yang sedang hebat melanda masyarakat Barat harus kita jadikan pedoman. Kerajaan jelas amat prihatin dan komited yang isu ini, kerana ianya selaras dengan hasrat kerajaan melahirkan masyarakat yang penyayang. Atas dasar itulah penelitian rapi harus terus dibuat dengan mengambil kira realiti semasa dan nilai budaya kita untuk memastikan pelaksanaannya nanti tidak menyimpang dari matlamat asal.

Keprihatinan semua pihak dalam hal ini amat membanggakan kerana ianya menunjukkan ciri-ciri masyarakat penyayang masih mekar, subur dalam masyarakat kita, tetapi kita tidak perlu cemuhan dan penghinaan terhadap pemimpin hanya untuk menyampaikan hasrat kita. Ini bukan budaya kita sebagai orang timur.

Tuan Yang di-Pertua, memang isu penderaan dan penyeksaan dari keganasan rumah tangga tidak mampu ditanggung lagi, tetapi kita juga harus memikirkan apakah dengan menghukum semata-mata penyelesaian boleh dicari. Kita tidak harus membuta tuli menurut liberalisasi Barat yang tampil dengan pelbagai akta kononnya untuk melindungi wanita, tetapi hakikat yang nyata adalah untuk merendahkan martabat wanita secara halus. Atas dasar liberalisasi yang tiada sempadan inilah juga yang telah meruntuhkan nilai moral dan harga diri wanita di Barat serta telah merapuhkan institusi kekeluargaan.

Kita harap, pihak yang berwajib dapat menyegerakan pelaksanaan akta tersebut tetapi juga harus berhati-hati. Pelaksanaan yang hanya untuk memenuhi desakan pihak-pihak tertentu tanpa memikirkan implikasi jangka panjang akan memburukkan lagi keadaan. Saya berharap segala cadangan dan pandangan yang diberi dapat diambil perhatian untuk melaksanakan dasar negara di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas.

4.43 ptg.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor (Pasir Mas): Assalamu-alaikum-warahmatullahi-wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama berucap dalam Usul Ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu agensi kerajaan yang tertua di negara kita ini dan mempunyai tabungan yang banyak, hampir RM200 bilion semuanya dan 7.6 juta rakyat di negara kita ini menabung di dalam agensi kerajaan yang diberi nama KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang suka saya menarik perhatian di sini ialah setakat ini KWSP telah memberi pulangan paling banyak hanya 8.5% dan yang paling mendukacitakan kita baru-baru ini, tersiar di dalam akhbar bahawa KWSP hanya dapat memberi pulangan sebanyak 7.5%. Kalau melihat kepada tabungan yang begitu besar, dengan harapan rakyat yang menggunung tinggi terhadap pelaksanaan dan pulangan yang baik yang dapat diberikan oleh KWSP sebagai simpanan hari tua mereka, maka kita berharap kepada pihak kerajaan supaya mengkaji kembali dan mencari jalan yang sebaik-baiknya supaya tabungan yang begini besar dengan jumlah simpanan rakyat yang begini besar, boleh memberi pertolongan kepada rakyat terutama sekali rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah tabungan yang begini besar tidak dikendalikan dengan sebaik-baiknya, maka sudah tentulah harapan rakyat

kepada kerajaan yang berkuasa kini akan menjadi hampa. Kalau kita melihat kepada agensi-agensi lain seperti ASN dan ASB yang baharu sahaja ditubuhkan oleh kerajaan tetapi pulangan yang diberikan kepada pelabur-pelabur lebih tinggi. Umpamanya ASN, pada tahun 1980 pelancarannya, pulangan dividen dan bonus pertama telah diberikan sebanyak 20% kepada penyimpan-penyimpan tetapi sebaliknya KWSP hanya di tahap yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah mengenai dengan agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan juga di bawah PNB iaitu ASN dan ASB.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak lupa untuk menyebutkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang telah dengan begitu rupa menubuhkan sebuah agensi perniagaan yang telah sedikit sebanyak memberi pulangan yang baik kepada rakyat terutama sekali kaum bumiputera yang beragama Islam di dalam negara kita ini. Tetapi saya suka menarik perhatian kepada pihak yang berkenaan supaya hidangan yang telah kita hidangkan kepada rakyat, terutama sekali kaum bumiputera yang beragama Islam yang peratusnya tidak kurang dari 90% melabur di dalam ASN dan ASB ini sedikit sebanyak akan menimbulkan keraguan di kalangan mereka.

Kalau sekejap tadi kita mendengar ucapan dari Ahli Yang Berhormat kita mengatakan soal kebersihan di dalam perdagangan ini perlu diambil berat oleh kerajaan, sepatutnya pihak PNB yang bertanggungjawab ke atas ASB dan ASN ini menubuh jemaah ataupun jemaah syariah yang akan mengkaji syarikat-syarikat yang telah dan akan dilaburkan oleh pihak ASB dan ASN ini supaya tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak Islam, supaya rakyat rata-rata dan orang Islam tidak lagi timbul keraguan di kalangan mereka tentang pelaburan yang telah dan akan mereka

laburkan melalui ASN dan ASB ini yang kita telah nyatakan tadi telah memberi sedikit sebanyak pulangan yang baik dan lumayan kepada pelabur-pelabur yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, keuntungan yang diperolehi daripada dividen dan pemberian bonus berdasarkan kepada keuntungan di antara 12% hingga 13%, ini kalau dikira dari segi keuntungan tahunan di dalam perniagaan ASB dan ASN ini yang dikendalikan oleh pihak PNB, tidak sepatutnya setakat 12% hingga 13% sahaja, sepatutnya pihak PNB sekali lagi mengkaji, kalau tahun pertama perlancangannya pada tahun 1980 mereka mampu memberi pulangan sebanyak 20% di dalam jangka masa yang begitu singkat, di dalam tabungan yang begitu sedikit, tetapi sekarang ini kenapa pihak PNB tidak dapat memberi pulangan yang lebih lumayan kepada pelabur-pelabur yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya di dalam keadaan perkembangan ekonomi negara yang begitu baik dan pesat ini, pihak PNB seharusnya menilai kembali harta simpanan ASB itu, dan jika dapat dinilai, maka sudah tentulah pelabur-pelabur yang berkenaan akan memperolehi keuntungan yang lumayan hasil dari pelaburan mereka yang begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya ingin sentuhkan di sini ialah mengenai dengan agensi kawalan kerajaan juga iaitu Bank Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Islam ini adalah satu-satunya sistem Islam yang telah dikendalikan oleh kerajaan di dalam negara kita ini. Kita mengucapkan syabas dan terima kasih kepada kerajaan. Tetapi apa yang sepatutnya dikaji kembali oleh pihak yang berkenaan ialah mengenai dengan faedah yang dikenakan ke atas peminjam dengan Bank Islam ini. Kalau dibandingkan dengan peminjam yang

meminjam dengan bank perdagangan yang tidak mengamalkan sistem Islam ini, kita dapati bahawa peminjam dengan Bank Islam ini lebih banyak menanggung interest (faedah) kalau hendak dibandingkan dengan bank-bank perdagangan yang lain. Walaupun kita mengakui bahawa sistem al-mudarabah ataupun sistem Al-Bai' Bithaman 'Ajil ini adalah suatu sistem yang dikendalikan oleh syariah yang sah, tetapi bagi peminjam yang meminjam dengan Bank Islam ini, masih tidak berpuas hati.

Kalau kita bertanya kepada pihak yang berkenaan, jawapannya hanya sekadar, 'pilihlah sama ada hendak makan ayam yang sembelih ataupun ayam yang tidak sembelih'. Itu sahaja jawapannya. Tetapi hakikatnya meminjam dengan Bank Islam itu sepatutnya dengan sistem Islam ini, orang-orang Islam dapat berbangga bahawa sistem Islam ini baik dari segi agamanya dan baik dari segi peminjamnya, tidak baik sahaja dari segi agama tetapi menjadi beban kepada peminjamnya. Begitu juga dengan pemberian dividen kepada penyimpan-penyimpan, tidak boleh kita hendak banggakan bahawa kita menyimpan dengan Bank Islam ini lebih banyak memberi pulangan kalau hendak dibandingkan dengan bank-bank perdagangan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat, ingin juga saya sentuhkan mengenai dengan bank finance ataupun finance company yang berada di dalam negara ini yang menjalani dasar pinjaman berdasarkan kepada faedah yang dikenakan, berdasarkan kepada pokok, tidak berdasarkan kepada baki pinjaman sebagaimana yang diamalkan oleh sistem bank-bank perdagangan yang lain seperti kita pinjam pinjaman rumah, kita pinjam pinjaman perniagaan, kita buat itu dan ini untuk menampung menjadi modal pusingan kepada perniagaan lain.

Ini sudah tentu memberi beban kepada rakyat, yang meminjam, umpamanya kita finance sebuah kereta di dalam harga sebanyak RM60,000 kita finance, tetapi finance company, syarikat-syarikat kewangan ini telah mengenakan sekali gus sebanyak RM20,000 serta merta. Ertinya pinjaman kita telah menjadi RM80,000, walaupun kita membayar dalam jangka masa empat tahun atau dalam jangka masa lima tahun berkenaan, dalam bayaran itu tetap atas pinjaman pokok sebanyak RM80,000 berbanding dengan bank perdagangan yang lain berdasarkan kepada baki pinjaman. Sama ada pengiraan ini berdasarkan tahunan ataupun bulanan tetapi berdasar kepada baki, interest dikira ataupun faedah dikira berdasarkan kepada baki berbanding dengan faedah yang dikenakan berdasarkan kepada pokok ini adalah jauh lebih tingginya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima ialah mengenai dengan terbitan saham-saham awam yang baru. Sekarang ini kita membaca akhbar-akhbar terbitan awam ini langganannya di antara ada sehingga seratus kali ganda, 60 kali ganda, 70 kali ganda, sambutan daripada orang awam dan terbitan-terbitan ini kita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak Kementerian Kewangan kerana sedikit sebanyak telah memberi pulangan ekonomi kepada rakyat di dalam negara kita ini terutama sekali kaum bumiputera.

Tetapi apa yang saya hendak menarik perhatian di sini ialah, masalah bank yang telah memberi pinjaman berlipat kali ganda sebagaimana sekarang ini, Kwong Yik Bank telah memberi satu kali ganda pinjaman, siapa menyimpan simpanan tetap sebanyak RM100,000 diberikannya pinjaman sebanyak RM200,000 dan begitu juga dengan Chung Khiaw Bank, satu lagi ialah Chung Khiaw Bank yang memberi gandaan tiga kali ganda.

Dasar kementerian ialah setiap pemohon ialah seorang rakyat hanya berhak membuat permohonan sebanyak satu permohonan sahaja tetapi sebaliknya apakah dasar bank ini yang memberi gandaan yang begitu banyak. Ini telah memberikan pertamanya, kita menggalakkan golongan-golongan yang kaya dapat membuat permohonan yang begitu banyak sampai ada seribu permohonan pun bagi satu orang dengan menggunakan kad-kad pengenalan kaum-kaum bumiputera. Sedangkan dasar kewangan ialah hanya setiap orang ini satu sahaja boleh memohon.

Bagaimana kaum bumiputera yang miskin yang tinggal di kampung-kampung hanya mampu membuat permohonan satu sahaja bagi setiap terbitan awam sedangkan bagi orang-orang yang mempunyai pendapatan, orang-orang kaya dapat menghantar 1,000 lot dengan mengguna nama-nama orang lain disebabkan oleh bank-bank yang berkenaan telah memberi gandaan yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap, bagi mengimbangi rakyat yang berpendapatan rendah dengan yang kaya ini, pihak Bank Negara membuat kajian semula ke atas pemberian bank yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini, Ahli Yang Berhormat dari Yan telah mencadangkan supaya kerajaan melantik Mufti menjadi Ex-Officio ataupun Exco bagi setiap negeri dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong cadangan Ahli Yang Berhormat dari Yan ini tetapi pihak Kerajaan Persekutuan hendaklah bagi menyelaraskan Perlembagaan Negeri dengan Perlembagaan Persekutuan,

meminda Jadual 8 Perlembagaan negara kita bagi membolehkan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan menyelaraskan perlantikan Mufti di dalam Exco kerajaan-kerajaan negeri di dalam negara kita ini supaya Muftilah yang akan menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan oleh pihak kerajaan negeri itu tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak agama Islam kita yang maha suci.

Tuan Yang di-Pertua, buat mengakhiri ucapan saya, sukalah saya menyebut satu perkara iaitu mengenai dengan moral, moral kita orang-orang Islam kerana kita melihat sekarang ini banyak orang-orang Islam atau kaum bumiputera terjebak dengan jenayah ataupun penyakit dadah, penyakit minum ubat batuk dan berbagai-bagai penyakit lagi yang memalukan kita orang Melayu umat Islam di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan dalam ucapannya baru-baru ini juga telah menyebut supaya MAS menghentikan pengedaran arak kepada orang-orang bukan Islam yang menaiki pesawat yang berkenaan. Saya menyokong pendapat dan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Yan tersebut. Tetapi suka juga saya menambah satu perkara lagi supaya kerajaan membuat peraturan supaya pelayan-pelayan hotel ataupun pelayan-pelayan restoran yang terdiri daripada orang-orang Melayu yang beragama Islam diharamkan daripada membawa, menghidang ataupun menyentuh arak kepada sesiapa sahaja di dalam kedai, di dalam restoran, di hotel-hotel yang berkenaan kerana Allah S.W.T. berfirman, (membaca dalam bahasa Arab) yang maksudnya: "Sesungguhnya arak, judi bertenung nasib adalah suatu perbuatan yang dikeji oleh Allah S.W.T. dan kita umat Islam hendaklah menjauhi dan memeranginya."

Tuan Yang di-Pertua, sekadar itu sahajalah. wassalamualaikum warahmatullahi Ta'ala wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena.

5.00 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Pokok Sena): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun untuk menyokong sahabat saya dari Yan yang telah membentang ucapan Junjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah ucapannya merasmikan Parlimen Penggal Kedua baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, telah banyak diperkatakan perkara yang telah disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara terutama sekali berhubung dengan agensi dadah kebangsaan. Saya memberi tahniah kepada kerajaan yang telah menubuhkan satu badan, satu agensi dadah kebangsaan di mana pada kali ini kita rasa dengan tertubuhnya agensi ini yang terdiri daripada Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Dalam Negeri dan Polis, maka kita dapat mentadbirkan dan mewujudkan keadaan di mana semua penagih dadah dapat diletakkan di dalam keadaan yang sesuai sebab akhir-akhir ini kita banyak terdengar penagih-penagih dadah ramai memberontak, ada yang bakar pusat serenti, ada yang lari dan bermacam-macam lagi. Ini disebabkan oleh kerana pada dahulunya ketika tidak diwujudkan agensi ini penagih-penagih dadah yang terdiri dari criminals, ada yang mengidap penyakit AIDS, HIV dan macam-macam, dicantumkan sekali.

Saya berharap pada kali ini mereka ini dapat diletakkan di tempat-tempat yang sesuai. Kalau yang criminals tidak dicampurkan dengan yang tidak criminals supaya mereka ini dapat hidup dengan keadaan yang selesa, dapat memperbaiki keadaan mereka sebab kita tahu kalau

keadaan tidak selesai dengan peruntukan tidak cukup, makanan yang tidak sesuai, kena pula dera sedikit sebanyak, maka kita tengok kalau binatang pun dia mengamuk, tambah pula dia manusia.

Jadi, saya berharap dengan wujudnya satu agensi ini kita dapat mewujudkan satu pusat serenti yang selesai dan sesuai dengan keadaan-keadaan pelatih. Dan kita tengok keadaan PEMADAM pada hari ini, PEMADAM saya lihat sekarang ini hanya di peringkat kebangsaan sahaja yang aktif. Di peringkat-peringkat negeri sungguhpun terdiri daripada Ahli-ahli Exco yang bertanggungjawab tentang PEMADAM, cuma kerja dia tunggu Presiden PEMADAM datang, dia sambut. Itu sahaja. Tidak ada aktiviti-aktiviti yang diadakan di peringkat-peringkat negeri. Cuma mengharapkan peringkat kebangsaan sahaja. Saya berharap Kementerian Dalam Negeri akan dapat memberi peransang atau memberi....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Takdan baru mukaddimah pun hendak kacau dah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, kerana sebagai seorang ahli Majlis PEMADAM Kebangsaan, saya dengar ucapan dia tidak begitu betul. Aktiviti-aktiviti di sesetengah negeri pun ada, cuma mungkin di Kedah itu kurang sedikit (*Ketawa*). Saya setuju kita mesti mempertingkatkan aktiviti ini tetapi di Kedah, kalau Pokok Sena ataupun Angsana (*Ketawa*) tidak....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Melalutlah..

Dr. Tan Seng Giaw: ...memberi sumbangan yang membina, yang bernas, bagaimana kita dapat...

Seorang Ahli: Bernas jangan sebut.

Dr. Tan Seng Giaw: ...banteras dengan lebih baik. Saya berharap Yang Berhormat dapat menyertai PEMADAM bukan sahaja di peringkat kebangsaan bahkan juga di peringkat negeri.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih Doktor Kulit. (*Ketawa*) Dia bukan...Saya puji dia pun, dia marah lagi. Saya kata peringkat kebangsaan cukup aktif...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak mengenang budi.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak mengenang budi kawan saya kata, tetapi di peringkat state, saya rasa pada pendapat sayalah, kalau Yang Berhormat mengatakan dari Kedah, bukan dari Kedah sahaja, banyak di peringkat-peringkat state, di peringkat-peringkat negeri aktiviti untuk menghapuskan penagih dadah ini amat berkurangan.

Jadi, saya harap supaya peringkat-peringkat negeri lebih aktif lagi bersama dengan PEMADAM di peringkat kebangsaan supaya kita, kita tahu bahawa dadah ini adalah musuh negara nombor satu. Kalau kita biarkan maka Wawasan 2020 kita tidak akan tercapai, maka akan banyak lagilah sungguhpun kita menghadapi banyak masalah-masalah lain tetapi masalah dadah ini adalah sebagai musuh negara nombor satu. Kalau Yang Berhormat dari Kepong yang dekat dengan, dulu kita hendak buat penjara di Kepong tetapi tidak jadi, kita terpaksa pindah sebab kita percaya bahawa Kepong itu sudah sentiasa terkepung. Jadi, saya berharap supaya PEMADAM kebangsaan dapat memberi perangsang yang lebih lagi kepada pihak negeri ini sebab saya tahu memang berkurangan tentang aktiviti.

Perkara yang kedua, saya ingin sentuhkan ialah tentang perkara yang baru-baru ini berbangkit - tentang pembayaran kepada ulama. Saya rasa sungguh dukacita sebab dulu pada tahun sudah barangkali, kita selalu dengar pada malam Jumaat kita ada ceramah agama - Ceramah Perdana, yang amat berguna bukan sahaja kepada golongan-golongan muda, tua, Ahli-ahli Yang Berhormat pun ramai duduk depan televisyen untuk mendengar ceramah ini, tiba-tiba timbul mengatakan bahawa, sama ada daripada kementerian ataupun daripada pihak media massa, mengatakan bahawa penceramah-penceramah ini menuntut pembayaran yang lebih.

Saya bangkitkan perkara ini sebab kalau tuntutan bayaran yang lebih pun apa salahnya. Kalau kita bayar kepada Ning Baizura sampai berpuluh ribu dalam 4, 5 lagu, ini ulama dapat berapa ribu? Bagaimana kita hendak menggalakkan anak-anak kita, pelajar-pelajar kita yang menuntut di sekolah-sekolah agama? Ganjaran di dunia tidak ada langsung, harap ganjaran di akhirat sahaja (*Tepuk*). Kalau sekurang-kurang....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sekejap ya, sampai habis ayat dulu. Sekurang-kurangnya bila dapat ganjaran untuk kita memberi ceramah agama, maka dapatlah ganjaran dan tentulah pelajar-pelajar yang ada di sekolah agama itu merasa lega sekurang-kurangnya selain daripada ustaz. Sekarang ini pergi sekolah agama hendak jadi ustaz sahaja ataupun jadi Ahli Yang Berhormat, kalau ada peluang! Kalau lambat sedikit masuk parti payahlah sedikit, masuk parti pembangkang lagi jauh.

Jadi, kita berharap supaya pembayaran kepada ulama untuk memberi ceramah-ceramah agama ini jangan dipertikaikan. Saya minta ini, wartawan supaya perkara

ini jangan dibangkitkan, biar penceramah-penceramah agama itu dibayar tinggi pun tidak apa, sebab dia memberi profesion dia, memberi penerangan untuk kebaikan manusia. Apa salahnya kalau orang tidak beragama Islam pun, dia dengar ada juga kebaikannya. Jadi, apa salahnya kalau kita bayar? Tambah pula ada RM1,000, duduk hotel first class, naik kapal terbang first class, bayar RM1,000 apa ada? Ning Baizura saya tengok, lagi seorang penyanyi, Ella, saya tengok sampai dapat berpuluh-puluh ribu, ini dapat dua ribu pun bising ke? Ini Kementerian Penerangan, (*merujuk kepada Puan Shahrizat binti Abdul Jalil*) ha, bukan yang ini, yang lagi satu itu (*merujuk kepada Datuk Mohd Shafie bin Apdal*)(*Ketawa*). Saya berharap Kementerian Penerangan supaya memberi penjelasan kepada pihak media supaya jangan membangkitkan, biar ulama-ulama itu mendapat pendapatan yang lumayan. Barulah anak saya yang mengaji sekolah pondok itu seronok sedikit, sekurang-kurangnya ada chancelah, dia tidak jadi ustaz pun dia ada chance jadi penceramah sebagai profesion dia, profesion untuk memberi ceramah. Mudah-mudahan Kepong pun akan terpengaruh. (*Ketawa*)

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Pokok Sena kerana kalau hendak jadi ulama, Tuan Yang di-Pertua, bukan kata kita hendak hafal Al-Quran pun kadang dua tiga ayat pun kadang baca lain, tafsir lain, macam PAS dok buat tu. Dia baca ayat lain, dia tafsir kot lain, melelong habis! Itu saya kata ayam pukul enam pun masuk relau dah kalau depa habis ceramah. Saya bersetuju, adakah Yang Berhormat bersetuju? Yang kerana Allah, kerana Allah tetapi kerana "lelah" itu pun hendak kira juga Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' dari Yan. Kena panggil Dato' juga, sekarang

ini tak boleh, saya baru. Penat, hendak dapat itu bukan senang!

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya di sini mencadangkan supaya biarlah penceramah-penceramah ataupun ceramah-ceramah perdana yang kita adakan dahulu itu biarkan. Sekarang ini, yang kita dok tengok, saya ingat rekod yang lama. Yang baru itu, penceramah pun tak mahu pergi dah. Sebab kalau hendak pergi, depa kata, orang pakat dok kata-kata depa minta pembayaran yang lebih. Saya harap perkara ini dapat diatasi.

Saya di sini hendak menyeru semua ulamak supaya janganlah, bukan semua orang mengatakan penceramah itu dapat banyak. Kami akan menyokong. Biarlah dapat banyak pun, sebab itu adalah duit yang halal. Dia belajar sampai beberapa banyak kitab, hendak kambus dia pun boleh dah. Jadi, dia hendak beri penerangan, apa salahnya? Biarlah. Kalau Ning Baizura dapat RM10,000, berilah pada penceramah itu yang sepadan dengan dia.

Lagi satu perkara, saya hendak jack kisah Tuan Yang di-Pertua. Semasa Tuan Yang di-Pertua menjadi hakim dahulu, Tuan Yang di-Pertua adalah seorang hakim yang cukup bersih. (*Tepuk*) Bila saya tengok Tuan Yang di-Pertua berjalan, tak pernah ada girl friend, tak pernah ada apa-apa (*Ketawa*), tengok pun bersih! (*Tepuk*) Clean, looks clean. Dan bila dengar nama Tuan Yang di-Pertua pun bersih. Dengar pun bersih!

Jadi, sebagai seorang hakim itu, bersih, dipandang bersih, didengar pun bersih. Ini hakim yang kita hendak. Tetapi kalau ada surat terbang, maknanya tidak bersih. Kalau hakim ada surat terbang mengatakan hakim ini tidak bagus, maknanya hakim itu didengar tidak bersih. Oleh itu, saya bukan hendak minta Tuan Yang di-Pertua kata "kalau begitu,

kena cari wali", tidak. Manusia pun ada bersih, dipandang bersih dan didengar bersih macam Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun senyum sahaja. (*Ketawa*)

Jadi, macam saudara saya kata tempoh hari bila dia berucap, dia kata AG jangan cakap banyak, saya setuju. AG ini profesionnya bercakap. Dia pass lawyer, puak-puak lawyer ini semua kerjanya bercakap. Tidak apa yang itu, dia bercakap. Tetapi dia bercakap pada ketika dan masa, macam saudara saya cakap itu, betul jugalah. Tetapi AG, tugasnya bercakap. Tetapi hakim, dia kena bersih, dipandang bersih dan didengar bersih.

Saya mencadangkan, kalau yang tidak didengar bersih itu sama ada elok dia berundur diri ataupun AG ini kena cakap ataupun pihak kerajaan yang bertanggungjawab kena meminta, kemudian kena beri syarat-syarat kepada hakim itu bahawa hendak jadi hakim itu mestilah bersih, dipandang bersih, didengar bersih. Kalau tidak, tak usah dok jadi hakim, aniaya kita semua.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya hendak bangkitkan di sini, saya rasa saya bukan lawyer; saya cuma loyar buruk sahaja. Loyer buruk, lawyer "Pak Wan", depa kata. "Pak", bukan "part". "Pak Wan". Yang Berhormat dari "lutung" pun setuju dengan saya. Jelutong, bukan "lutung".

Yang Berhormat dari Jelutong mengatakan bahawa saya loyar buruk, memang. Tetapi, saya sebagai seorang guru, saya hendak mencadangkan kepada Kementerian Kehakiman, kalau ada. Kalau tidak ada, Kementerian di Jabatan Perdana Menteri, tak bolehkah dari segi undang-undang, kalau kes rasuah ini, kita kena pinda sedikit the rule of law. The

rule of law kata, "a person is innocent before proven guilty", dengan izin.

Tetapi, kalau kes rasuah ini, susah sedikit berhubung dengan the rule of law. Saya mencadangkan supaya, kalau kes rasuah ini, kadang-kadang gajinya RM10,000, hartanya ada RM7 million atau RM8 million, adakah munasabah? Jadi, kalau kes rasuah, biarlah "a person is guilty until it is proven he is innocent". Depa dok perbetulkan. Saya pun guru English dahulu, "Until he is proven innocent". Saya cadangkan perkara ini supaya Yang Berhormat Naib Ketua Pemuda, sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab tentang kehakiman ini supaya kes rasuah ini jangan "a person is innocent before it is proven guilty". (Ketawa) Lama tak cakap orang putih.

Jadi, saya harap supaya kes rasuah ini kita cadangkan agar seseorang itu, bila ditangkap, bila mendapat evidence mengatakan dia bersalah, maka kita tangkap sehingga dia kena prove, kalau dia ada harta, ada rumah banglo 10 buah, kereta Mercedes sahaja 10 buah, dia kena proved atau buktikan kepada kerajaan bahawa duit ini datang daripada mana, dia beli share super atau apa. Dia kena proved. Dia beli super 500 lot, daripada RM8.00 naik RM18.00, dia beli kereta 10 buah. Dia kena proved macam itu. Kalau tidak, kena loop ke dalam.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya hendak bangkitkan, saya sudah banyak kali bangkitkan, tetapi apabila tiap-tiap kali saya balik ke kawasan, saya dapati perkara ini dibangkitkan lagi. Jadi, saya harap Menteri di Jabatan Perdana Menteri ataupun Menteri Pendidikan, saya hendak beritahu sekali lagi bahawa SSB ini memang tidak sesuai dengan profesion guru. Saya hendak beritahu bahawa guru tidak serupa macam PTD officer, sebab PTD officer mereka duduk di dalam bilik. Dia naik pangkat melintang, menegak, membujurkah, orang tidak tahu.

Tetapi guru, ada 60 orang dalam satu sekolah. Dia duduk di dalam common room. Dia tahu cikgu ini rajin; cikgu ini malas, cikgu ini tuang; cikgu ini tak tuang. Tiba-tiba, cikgu yang tuang naik melintang, yang lain semua tahu. Fikir tengok kalau 60 orang guru, seorang guru yang tidak berapa baik itu naik gaji melintang, 59 orang lagi akan menjadi frust. Bila 59 orang ini tahu dan mengatakan "aku mengajar teruk ini, yang naik seorang itu tak berapa bagus", maka 59 orang ini akan terlentang, macam kawan kita kata dan ini akan merosakkan keadaan anak-anak kita.

Anak-anak kita sekarang ini duduk di dalam factory. Factory untuk mengeluarkan masyarakat masa depan, masyarakat Wawasan 2020. Dalam factory ini kena jaga. Guru ini macam enjin, kalau kita tidak jaga enjin ini berkarat, barang yang kita hendak bawa keluar untuk Wawasan 2020 itu akan rosak.

Jadi saya harap, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan tolong bawa sedikit kepada Kementerian Pendidikan dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tolong bawa sedikit kepada Pengarah JPA mengatakan bahawa SSB ini, terutama sekali kepada guru-guru ini tidak sesuai. Tolonglah pindakan sedikit supaya guru-guru akan mendapat ganjaran yang sesuai. Biar dia naik gaji tiap-tiap tahun tak apa, tetapi naik melintang atau membujur ini, saya ada satu sekolah, guru besarnya main golf dengan saya. (Ketawa)

Saya main golf bukan untuk diri saya, saya main golf untuk kepentingan masyarakat, pengundi saya! Sebab saya selalu beritahu pada pengundi, saya bukan main untuk saya. Kalau saya main untuk saya, saya start semasa berumur 13 tahun dahulu. Saya dah champion lawan dengan Nik Faldhu, orang Kelantan itu! (Ketawa) Tetapi saya bermain sewaktu umur saya tua ini, bila saya masuk politik, baru

saya main golf sebab saya main golf untuk kepentingan rakyat!

Sebab kadang-kadang saya main dengan OCPD, saya habaklah anak ketua cawangan saya kena speed trap, terlepaslah speed trap! (*Ketawa*) Kadang-kadang saya perlukan karpet masjid, saya main dengan jutawan, Dato' Zakaria Said, jutawan. Saya habak dekat dia, "karpet masjid kampung aku tu teruk sangat, hang tolonglah beri". Dia beri! Jadi, saya bukan main untuk saya, saya main untuk rakyat!

Jadi, Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kawan bangun, ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sekejap, sekejap. Sekejap ya. Jadi, saya berharap SSB.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung, Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Baru start sahaja, Tuan Yang di-Pertua baru masuk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 20 minit.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua baru sahaja masuk. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap supaya SSB ini dikaji semula. Saya tahu SSB ini kalau kita pandang keseluruhannya memang baik, tetapi saya ingat, setengah-setengah profesion memang tidak sesuai, supaya perkara ini dapat diambil tindakan agar anak-anak kita akan mendapat guru-guru yang selesa, guru-guru yang puas hati. Guru-

guru kalau tidak puashati, rosaklah. Sebab saya tahu, saya seorang guru. Sebab itu saya lari daripada menjadi guru. Tidak berani hendak duduk. Dato' Zakaria Said pun lari habis.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua... (*Diganggu*) Tadi Tuan Yang di-Pertua minta saya gulung, saya hendak gulung lagi sedikitlah. Berhubung dengan pendatang haram ini. Pendatang haram sudah ada lebih kurang 72 koloni - itu pendatang haram. Dulu saya ingat lagi, ada Hang Tuah dia buka tanah kerajaan - kena tangkap. Hamid Tuah. Sebab Hang Tuah itu orang Kedah tetapi sudah tersilap macam mana, Hang Tuah jadi orang Melaka. Hang itu orang Kedah. Bahasa Kedah. Hamid Tuah buka tanah kerajaan sedikit sahaja kena tangkap. Pendatang haram buat banglo. Saya harap Kerajaan Negeri Selangorkah, kerajaan manamakah, bila ada koloni-koloni pendatang haram ini tolong roboh, tidak ada maaf bagimu. Sebab kalau kita hendak beri peluang buat banglo biarlah kita bagi kepada orang-orang miskin kita daripada memberi kepada pendatang-pendatang haram.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sahabat saya Yang Berhormat dari Yan ini yang telah membentangkan Ucapan Menjunjung Kasih. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tawau. (*Diganggu*) (*Ketawa*) Tenang ya!

5.23 ptg.

Puan Chua Soon Bui (Tawau): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Diraja. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan beberapa perkara yang

bersabit dengan kepentingan rakyat negeri Sabah amnya dan Kawasan Parlimen Tawau khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Barisan Nasional mengambil alih teraju Kerajaan Negeri Sabah, tidak dapat dinafikan bahawa negeri di bawah bayu itu telah diberi nafas baru dalam bidang pembangunan walaupun ada di antara rancangan-rancangan yang berkenaan mengambil masa yang panjang untuk membawa berkat kepada rakyat. Namun demikian, masalah yang bersabit dengan keperluan yang mendesak lagi mendadak dan yang diwarisi sebelum ambil alihnya teraju kerajaan oleh Barisan Nasional tetap harus diberi keutamaan yang wajar.

Pada keseluruhannya, rakyat Sabah yang berbilang kaum menaruh harapan dan keyakinan kepada Kerajaan Barisan Nasional selepas mengharungi pelbagai pahit maung di bawah pentadbiran pembangkang. Oleh yang demikian, sebarang kelemahan jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan sudah tentu akan dieksploitasikan dengan sepenuhnya oleh parti lawan untuk menghakiskan keyakinan rakyat terhadap Barisan Nasional.

Masalah gangguan bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, gangguan bekalan elektrik yang selama ini dihadapi oleh rakyat Tawau merupakan satu-satunya contoh yang menonjol dan perlu diatasi dengan perancangan yang menyeluruh. Walaupun masalah berkenaan adalah masalah lapuk tetapi ianya terus berlaku saban hari sehingga masyarakat setempat merasa muak terhadapnya. Bagi tempoh Januari hingga November tahun 1995, sejumlah 2,501 kes gangguan bekalan elektrik telah berlaku di Tawau. Ini bermakna purata gangguan bekalan elektrik menjangkau 227 kes sebulan atau 75 kes sehari menurut bilangan kes yang dapat dikesan

dan dilaporkan. Ini sungguh satu perangkaan yang menakjubkan. Saya difahamkan bahawa kerajaan sedang....

Tuan Henrynus Amin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun hendak minta jalan. Hendak berikah tidak? Kinabalu.

Puan Chua Soon Bui: Tidak payah. (*Tepuk*) Saya difahamkan bahawa kerajaan sedang merancang pelbagai program bagi memperbaiki kualiti bekalan elektrik di Tawau. Antara lain termasuk pembinaan stesen janakuasa IPP dan perancangan menambahkan bilangan penyuar (*feeder*) serta meningkatkan keupayaan penyuar yang sedia ada. Tetapi kesemua ini akan mengambil masa. Buat jangka masa pendek, sekiranya masalah gangguan bekalan elektrik itu tidak dibendung dengan berkesan, bukan sahaja kehidupan semua lapisan masyarakat Tawau akan terus terganggu malahan akan juga terjejas.

Selama ini rakyat Tawau tidak pernah mengecapi sebarang hasil pembangunan di bawah pentadbiran pembangkang. Perindustrian masih belum lagi bertapak di Tawau. Kini masalah gangguan bekalan elektrik hanya akan melambatkan lagi perindustrian di Tawau. Saya, selaku Wakil Rakyat Tawau menaruh harapan kepada usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk membentuk Sabah Baru. Mudah-mudahan keutamaan yang wajar dapat ditumpukan kepada pembangunan perindustrian di Tawau dengan wujudnya infrastruktur yang mencukupi terlebih dahulu.

Pembangunan infrastruktur di luar bandar

Tuan Yang di-Pertua, ketika kita berbangga kerana berjaya mengurangkan

kadar kemiskinan dari 17% pada tahun 1990 kepada 13% pada tahun 1993, ingin saya menarik perhatian kerajaan terhadap tahap masalah kemiskinan di negeri Sabah di mana kadarnya masih menjangkau 33% pada tahun 1993. Walaupun pembangunan infrastruktur di ibu kota dan bandar raya-bandar raya lain semakin canggih sehingga berupaya menjadikan Malaysia sebuah pusat komunikasi serantau, tetapi di kawasan saya Tawau, setakat ini masih terdapat kawasan-kawasan perkampungan tertentu yang mengharapkan kemudahan infrastruktur asas umpamanya kemudahan bekalan air bagi Pulau Sibatik, Pasir Putih dan Kalabakan.

Di samping itu, ketika hospital swasta yang canggih lagi mahal yurannya tumbuh seperti cendawan di kota-kota, klinik-klinik desa yang biasanya dikelolakan oleh jururawat masih perlu diperjuangkan lagi di Tawau. Menjelang tahun 2020, dengan tercapainya status negara maju, adalah kurang meyakinkan sekiranya mutu kesihatan sosial kita masih terkongkong pada tahap keperluan klinik semata-mata.

Demikian juga, sementara penduduk-penduduk setingan di ibu kota berpeluang ditempatkan semula di rumah panjang yang dilengkapi dengan bilik air berasingan, orang-orang kampung di kawasan saya masih berhempas-pulas memperjuangkan kemudahan tandas atau clean toilet melalui wakil rakyatnya. Walaupun isu pembangunan infrastruktur asas seperti ini pernah berulang kali dibangkitkan di Parlimen, tetapi saya berharap ianya tidak sekali-kali dianggap sebagai isu lapuk yang semakin pudar. Pada pendapat saya, selagi masalah-masalah sedemikian belum diatasi, maka selama itulah ianya patut diberi tumpuan usaha yang wajar.

Dari pengamatan saya, kebelakangan ini terdapat satu trend yang kurang sihat di Tawau. Semakin hari semakin ramai

peniaga dan guna tenaga muda berhijrah keluar dari Tawau. Keadaan seperti ini sekiranya tidak dibendung, sudah tentu akan melembabkan kemajuan dan pembangunan di Tawau.

Memandangkan perkembangan yang menggelisahkan ini, saya ingin mengesyorkan agar pelabur-pelabur, baik dari seberang laut mahupun dari Semenanjung, dapat diberi insentif dan galakan untuk melabur di Tawau. Mudah-mudahan dengan adanya kemasukan modal pelabur-pelabur yang berkenaan bukan sahaja aktiviti-aktiviti ekonomi dapat dihidupkan, malahan pekerjaan-pekerjaan baru yang diwujudkan kelak juga dapat membendung penghijrahan yang tersebut tadi.

Saya yakin Tawau iaitu kawasan Parlimen saya, yang juga tanah tumpah darah saya, serta kampung halaman saya hanya dapat bergerak maju dengan komitmen dan penglibatan anak-anak Tawau sendiri terlebih dahulu. Dalam hubungan ini, perancangan yang berwawasan lagi menyeluruh adalah perlu untuk membangunkan Tawau. Tidaklah membina atau konstruktif sekiranya kita hanya sanggup mengeluh atas kelemahan masa lampau tanpa sebarang penawar. Kini rakyat Sabah amnya dan penduduk Tawau khasnya memang menyedari bahawa kunci penawar itu ada pada Barisan Nasional. Hanya melalui saluran Barisan Nasional sahajalah dapat kita memperlihatkan nasib rakyat Tawau dibela dan masa depan mereka terjamin.

Potensi pembangunan dan masalah yang berkaitan

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pembangunan di negeri Sabah banyak ditumpukan pada Kota Kinabalu. Malangnya potensi pembangunan di Sabah Timur, khususnya di Tawau jarang-jarang dicungkil melainkan sumber kayu balak yang semakin hari semakin pupus.

Indah permainya pemandangan di Pulau Sipadan yang berjarak 123 kilometer dari Tawau, seharusnya merupakan satu-satunya keistimewaan dari segi daya tarikan bagi mempromosikan Tawau sebagai tumpuan destinasi pelancong. Tetapi malangnya prospek pelancongan di Tawau setakat ini tidak begitu menggalakkan. Adalah diharapkan bahawa projek pembinaan lapangan terbang antarabangsa Tawau akan sedikit-sebanyak memberangsangkan pelancongan tempatan. Namun ini masih bergantung kepada bilangan kali pendaratan pesawat dan pakej tawaran kita untuk menarik pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mantapnya industri pelancongan di Tawau, sungguh malang Pantai Timur Sabah dilanda pula oleh serangan lanun. Kejadian yang bertalu-talu berlaku di Semporna cukup buruk kesannya terhadap prospek kemajuan pelancongan di Sabah amnya dan di Pantai Timur Sabah khususnya. Oleh yang demikian, adalah perlu kerajaan berusaha memantapkan keyakinan umum terhadap pemulihan ketenteraman sosial atau persepsi negatif yang menghubungkan lanun dengan negeri di bawah bayu ini dapat dikikiskan.

Keselamatan

Tuan Yang di-Pertua, serangan lanun yang bertalu-talu berlaku pada 10hb Februari, 23hb Mac dan 25hb Mac tahun ini di Semporna merupakan satu-satunya ujian getir terhadap keselamatan di negeri Sabah, khususnya di Pantai Timur Sabah. Kita harus mengambil iktibar daripada kejadian-kejadian tersebut.

Kini sudah tiba masanya kerajaan memberi pertimbangan serius terhadap ura-ura menambahkan lagi kerahan polis merin dan field force di bandar-bandar sepanjang Pantai Timur Sabah. Umpamanya Semporna dan Tawau. Kekurangan gunatenaga polis tidak

seharusnya terus dijadikan alasan dalam usaha menangani masalah keselamatan di Pantai Timur Sabah. Di samping itu adalah perlu juga kerajaan mengkaji kemungkinan dan feasibiliti mendirikan satu pangkalan tentera laut di Semporna. Ini sudah tentu akan memperkukuhkan lagi kekuatan pertahanan kita dalam perairan kita yang selama ini sering dicerobohi oleh lanun.

Saya berharap serangan lanun jangan dipandang sepi kerana ia melibatkan keyakinan rakyat dan pelabur asing terhadap keselamatan negeri, lebih-lebih lagi kedaulatan kita tidak boleh terus dicabar oleh mana-mana pihak sekalipun. Dengan kata-kata ini saya menyokong Usul Junjung Kasih Titah Di-Raja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Bagan.

5.36 ptg.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan):
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong.

Dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong segala pentadbiran kerajaan nampaknya berjalan dengan licin dan cemerlang dalam negara kita ini, akan tetapi apa yang buruk dan negatif tidak disentuh sama sekali. Sebagai pemimpin-pemimpin negara bukan yang manis sahaja perlu dikatakan, tetapi mereka perlu mengawasi rakyat, bersedia menghadapi sebarang peristiwa dan masalah yang timbul yang akan timbul pada masa-masa akan datang.

Permasalahan dan pentadbiran yang tidak sempurna perlu diambil perhatian serius dan ditangani dan bukan dibiarkan atau mengambil sikap tidak apa sahaja.

Rakyat telah bosan mendengar slogan-slogan kerajaan seperti 'Kepimpinan Melalui Teladan', 'Inflasi Sifar', 'Piagam Pelanggan' dan sebagainya. Tidak dinafikan bahawa seluruh negara Asia kini menjalani reformasi ekonomi dengan pantas. Malaysia juga menikmati pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran masyarakat dengan cepat.

Satu pertanyaan perlu ditanya, adakah pentadbiran awam juga sama jejak dengan kemajuan. Rakyat jelata mengemukakan berbagai-bagai permohonan kepada badan-badan kerajaan dan badan-badan berkanun kerajaan dan perlu menunggu berbulan-bulan atau bertahun-tahun untuk mendapat jawapan - adalah biasa sahaja.

Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, permohonan lesen-lesen adalah di antara senarai yang perlu mempertingkatkan prestasi mereka. Oleh kerana masa yang terhad, tidak dapat saya memberi butir-butir lanjut untuk menyokong kata-kata saya ini.

Permasalahan permohonan perumahan adalah satu isu yang serius. Pemimpin-pemimpin negara suka mengkritik pihak swasta kurang berminat membina rumah-rumah kos rendah. Ini telah dicabar dengan kenyataan oleh pihak rasmi bahawa pihak kerajaanlah yang gagal mencapai sasaran membina rumah-rumah kos rendah. Jikalau pihak swasta enggan membina rumah kos rendah. Ini bukan salah pihak swasta kerana segala-gala cadangan projek perumahan dan pembinaan perlu dilulus oleh pihak kerajaan.

Sekiranya kerajaan tidak mahu menekan syarat-syarat 30 peratusan perlu menjadi rumah kos rendah, siapa perlu dikritikkan? Saya cuma boleh membayangkan bahawa orang-orang yang bertanggungjawab untuk meluluskan pelan perumahan atau pembinaan, mesti ada kepentingan dalam permohonan tersebut.

Pemimpin-pemimpin negara suka melaung-laungkan penghapusan rasuah, tetapi mereka inilah kemungkinan besar terlibat dalam rasuah. Dengan sistem politik dan pentadbiran sekarang, pemimpin-pemimpin kerajaan Pusat boleh mempengaruhi keputusan kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Saya mengambil contoh, beberapa projek pembinaan besar yang sedang dijalankan di Seberang Perai adalah diatur oleh orang-orang di peringkat Pusat. Tanah-tanah kerajaan diberi atau dijual kepada pihak swasta dengan syarat-syarat yang tidak pernah wujud, dan syarat-syarat ini lebih menguntungkan pihak swasta.

Kampung Telok di Jalan 8, Perai, ini adalah tanah kerajaan. Ia diberi kepada pihak swasta dengan premium RM29 juta. Pemaju ini hanya perlu membayar tunai sebanyak RM5.3 juta dan bakinya ditolak sebagai subsidi kepada pemaju ini untuk menjual rumah-rumah pangsa kos rendah dan sederhana kepada setinggan-setinggan kawasan tersebut. Saya perlu menanya di sini, sejak bilakah kerajaan mula memberi subsidi kepada pihak swasta untuk membina rumah kos rendah dan sederhana? Jikalau ini adalah satu dasar atau polisi, mengapa pemaju-pemaju lain tidak dapat dilayani dengan serupa? Ini telah diatur oleh pemimpin-pemimpin kerajaan Pusat.

Kerajaan negeri dan kerajaan tempatan hanya mengikut arahan sahaja. Tanah lot 271, seksyen 4, Butterworth, di mana bangunan Kerajaan Persekutuan berdiri, dijual kepada Caymen Kedah Sdn. Bhd. Pejabat kerajaan perlu pindah ke bangunan yang disewa untuk bekerja semasa menunggu bangunan pejabat disiapkan binaannya di Kepala Batas. Kalau sebuah kolam oksidasi kepunyaan kerajaan tempatan, iaitu MPSB di tepi Jalan Change Ferry, Butterworth pun diambil alih oleh pihak swasta untuk dijadikan pusat komersil. Kami tidak pernah mendengar kerajaan jual harta atau tanah. Tetapi semua ini sekarang

adalah biasa sahaja. Orang awam pun tidak tahu bagaimana dan kepada siapa ia dijual sehingga signboard didirikan.

Akta Pengambilan Tanah - semasa meluluskan akta ini, bekas Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan tidak akan menyalahgunakan kuasa untuk mengambil tanah-tanah persendirian. Banyak kes yang tidak adil telah berlaku, dan kerajaan telah memungkirkan janjijannya. Kes terbaru yang saya dapat aduan ialah tanah-tanah di tepi Jalan Bakar Arang, Sungai Petani, Borang E telah dikeluarkan oleh PTG pada 5hb Februari tahun ini dan Borang F memberi tuan-tuan punya tanah 45 hingga 60 hari untuk menyerahkan tanah-tanah kepada Kerajaan Negeri Kedah. Harga yang dibeli adalah hanya RM8 satu kaki persegi. Kerajaan mengambil tanah ini bukan untuk kegunaan awam, tetapi hendak diberi kepada pemaju swasta untuk membina rumah, untuk membina kedai dan komersil. Ini adalah kerja Kerajaan Negeri Kedah.

Cuba bayangkan, tanah di tepi jalan raya ditawarkan dengan harga hanya RM8 satu kaki persegi. Saya mahu tanya Kerajaan Negeri Kedah, ada lagikah tanah seperti ini boleh dijual kepada RM8 satu kaki persegi? Mengikut harga pasaran, harga tanah tersebut sekurang-kurangnya RM50 satu kaki persegi.

Tuan-tuan punya tanah terdiri dari orang China dan Melayu, mereka sangat marah terhadap pengambilan ini. Mereka menulis memorandum kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya agar tindakan ini ditangguh sehingga pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah dibenteng dan dilulus dalam Parlimen ini. Tetapi apa yang kami tahu, akta ini tidak ada peluang dibenteng dalam sesi ini. Saya berharap Yang Amat Berhormat menyiasat perkara ini dan memastikan siapa yang betul-betul mengaturkan segala-gala ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit masalah berkenaan dengan kereta Proton, iaitu kereta nasional negara kita ini. Kereta nasional telah dijadikan rebutan orang ramai. Ini bukan kerana Proton adalah tercantik dan terhandal sekali dalam negara kita. Tetapi oleh kerana kerajaan lebih melindunginya dengan mengurangkan cukai-cukai, duti-duti dan menjadikannya kereta termurah di pasaran Malaysia. Kereta-kereta buatan lain mahal belaka kerana kerajaan mengenakan duti-duti dan cukai-cukai yang tinggi dan juga menghalang modal-modal tertentu memasuki pasaran Malaysia. Orang awam tidak ada pilihan lain, melainkan menempah kereta nasional. Trend ini telah mengakibatkan EON atau USPD angkuh dalam pasaran mereka ini.

Kini pembeli kereta perlu menunggu empat hingga lapan bulan untuk mendapat kereta baru yang dipesan atau ditempah. Tetapi kami boleh nampak di kedai-kedai kereta terpakai atau 'second hand car dealers' kereta Proton baru didaftar dan diletak untuk dijual dengan harga RM4 ribu hingga RM5 ribu atas harga pasaran. Mengapa mereka boleh dapat kereta dengan cepat, tetapi orang awam yang menempahnya kena tunggu berbulan-bulan? Satu syarat lagi pembeli kereta boleh dapat kereta baru dengan lebih awal jikalau mereka menjualkan kereta lama itu kepada EON atau USPD. Ini dikirakan 'trade-in'.

Kedua, kereta baru Proton tidak boleh dibeli dengan wang tunai. Mereka perlu membeli dengan cara membayar ansuran. Yang ketiganya, pinjaman tidak boleh diperolehi dari mana-mana syarikat kewangan sahaja, tetapi perlu didapati daripada CCM sahaja. Dan lagi, harga kereta nasional selalunya naik harga dalam tiga atau empat bulan.

Baru-baru ini kami mendengar harga Proton akan naik sekali lagi. Saya berharap aduan-aduan tersebut perlu

diperhatikan oleh kerajaan demi menjaga faedah rakyat Malaysia yang ingin menempah kereta Proton ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam perkara inflasi. Kerajaan melaung-laungkan untuk melawan inflasi. Pihak penguatkuasa mencari penjaja-penjaja di pasar, merampas barang-barang dari kedai-kedai kerana tidak mempamerkan tanda harga. Pendek kata, kerajaan tidak membenarkan pekedai-pekedai menaikkan harga barang-barang. Sebenarnya, pekedai-pekedai bukan suka menaikkan harga barang-barang dengan sesuka hati. Ini oleh kerana dalam pasaran yang bebas dan kompetitif, pengguna-pengguna lebih pandai menanya harga di kedai-kedai untuk perbandingan. Jikalau sekali pengguna kena tipu, mereka tidak akan mengunjungi kedai itu lagi. Penjaja-penjaja pasar pun serupa, mereka menaikkan harga oleh kerana semua telah naik, baik makanan atau pakaian, semua naik - tidak turun, yang ada turun ialah harga saham sahaja.

Kerajaan yang membuat dosa terbesar kerana menaikkan harga. Kerajaan membenarkan tarif telefon, elektrik, pasport, airport tax, cukai taksiran, cukai tanah, tol lebuh raya melambung tinggi. Baru-baru ini, mulai bulan Januari, tahun ini cukai taksiran di kawasan saya melambung satu hingga dua kali ganda. Cukai tanah juga melambung satu hingga tiga kali ganda. Ini kerja siapa?

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya membawa satu masalah iaitu handphone dari CELCOM. Handphone CELCOM selalunya putus bila bercakap. Jadi, jikalau hendak menelefon satu panggilan pun yang telah putus dan kami terpaksa memanggil sekali lagi, ini sudah jadi dua hingga tiga call untuk menyelesaikan satu panggilan itu. Ia juga tidak selalu dapat disambung, iaitu tidak berjaya menyambung, tetapi kalau tidak dapat disambung atau tidak berjaya disambung, ia kena caj juga. Misalnya, kami telah

memanggil satu nombor, dan kami dapat satu jawapan komputer bahawa "nombor yang anda dail tidak aktif atau di luar kawasan", ia kena caj 10 sen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada membawa satu bill yang saya semak dengan terperinci, hanya 17 second, atau 10 second—caj 10 sen. Ini bermakna ia tidak dapat disambung, tetapi dia kena caj. Dan sewa satu bulan ialah RM60.00 dan panggilan 1 minit—30 sen, semua ini tidak berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna boleh menyiasat perkara ini dan seterusnya menasihatkan supaya handphone-handphone yang dicaj dengan tidak adil ini boleh disemak semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dengan simpanan 5% kuota unit rumah dan kedai kepada bumiputera. Dalam satu keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, semua permohonan untuk melepaskan kuota 50% unit rumah atau rumah kedai yang dipohon oleh pemaju mesti dibayar dengan levi 5% kepada kerajaan sebelum ia dapat dilepaskan. Ini merupakan satu 'day light robbery'.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu projek pembinaan selalunya ia akan mengambil masa dua tahun untuk dibina dan pemaju telah 'reserve' unit-unit ini untuk bumiputera dan sampai akhir-akhir rumah inipun telah siap dan pada masa itupun tidak ada pihak bumiputera yang hendak membelinya dan mereka perlu memohon kepada kerajaan dan kerajaan kata, baik, sekarang tidak ada bumiputera yang hendak membeli unit-unit ini, pemaju kena bayar levi 5% untuk kerajaan sebelum kerajaan boleh melepaskan unit-unit ini. Ini betul-betul tidak adil, sebab kalau pada awal-awal dijual kepada orang-orang yang berminat, mereka dapat mengutip wang permulaan sejak dua

tahun dahulu dan kini telah tertangguh sehingga dua tahun baru habis, kena bayar lagi 5% levi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang harga ayam. Saya ada perhatikan bahawa Wakil Rakyat dari Bukit Bintang ada berkata sebelum Tahun Baru Cina dan sebelum Hari Raya Puasa tahun ini (yang sudah lepas) bahawa harga daging ayam mungkin akan melambung kepada RM10.00 sekilo. Ini telah menjadikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merasa takut dan beliau sekali pun membenarkan daging ayam beku dan anak ayam sehari umur diimport dari negara jiran dan inilah yang menyebabkan anak ayam telah lebih dalam pasaran ini dan seterusnya menjejaskan kestabilan harga daging ayam di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, saya gulung. Harga ayam yang rendah bukan satu trend yang bagus untuk rakyat kita. Jangan kita ingat harga daging ayam yang rendah kami semua dapat faedah dan untung - ini bukan. Pada suatu hari nanti jikalau penternak-penternak tidak boleh hidup lagi, atau tidak mendapat keuntungan dalam bidang ini, mereka akan tutup perniagaan dan apabila mereka tutup perniagaan, pasaran ini akan kurang dengan daging ayam dan pada masa itulah harga ayam akan melambung tinggi dan ini akhirnya akan menyusahkan pengguna-pengguna sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tenom

5.57 ptg.

Tuan Radin Malleh (Tenom): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam peluang yang singkat ini saya ingin mengutarakan beberapa perkara sahaja untuk perhatian dan tindakan sewajarnya oleh kerajaan melalui jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 25hb Mac, 1996 berpaksi kepada perpaduan, keamanan, kemakmuran dan kemajuan, kestabilan negara selaku Wawasan Negara menjelang tahun 2020 yang mesti dicapai melalui kerajaan yang adil dan efisien.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mencakupi semua aspek kebaikan dan bermanfaat kepada rakyat Malaysia. Kita bukan bertujuan untuk membina suatu utopia yang mungkin mustahil hendak dicapai, namun kalau kerajaan benar-benar berusaha dengan tekun, jujur dan ikhlas maka kita percaya cita-cita seperti yang dititahkan oleh Baginda, walaupun tidak 100% dapat dicapai, tetapi sekurang-kurangnya di antara 90% hingga ke 99% akan dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia keseluruhannya.

Pencapaian ke tahap itu tidak payah menunggu tahun 2020 jika sekiranya kerajaan jujur, ikhlas dan benar-benar berhasrat membangun memajukan negara dan menyatupadukan rakyat Malaysia pada keseluruhannya. Kita berharap sekarang ini, tiada lagi beberapa pemimpin Persekutuan terutama sekali dari UMNO Baru mempersoalkan kedudukan Sabah di dalam Persekutuan Malaysia. Mungkin ada di antara pemimpin UMNO Baru yang kurang mengetahui sejarah pembentukan Persekutuan Malaysia, maka itulah timbul kontroversi berkaitan dengan hak-hak keistimewaan dan otonomi negeri Sabah dan Sarawak. Tanpa negeri Sabah dan Sarawak maka tiadalah Persekutuan

Malaysia hari ini, hanya yang wujud ialah Persekutuan Malaya. Ura-ura Bapa Kemerdekaan Persekutuan Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj ialah untuk menggabungkan negara-negara Persekutuan Malaya, Singapura, Sarawak/Sabah (North Borneo, pada ketika itu) dan negara Brunei, namun negara Brunei tidak meneruskan penyertaannya di dalam pembentukan Malaysia, hanyalah Malaya, Singapura, Sarawak dan Sabah yang meneruskan cita-cita murni itu. Bagaimanapun, pada tahun 1965 Singapura telah berpisah daripada Persekutuan Malaysia dan tinggallah Malaya, Sarawak dan Sabah hingga ke hari ini selaku Persekutuan Malaysia. Ini bermakna Sabah adalah satu daripada 3 negara yang menjadikan Persekutuan Malaysia.

Kita sama-sama membentuk Persekutuan Malaysia selaku 'equal partners' pada tahun 1963, kerana pada masa sebelum itu belum ada Persekutuan Malaysia, hanya yang ada ialah Persekutuan Malaya. Oleh yang demikian, kita berharap jangan pula ada yang menganggap bahawa Sabah dan Sarawak adalah subservient kepada Persekutuan Malaya ataupun menganggap bahawa Sabah dan Sarawak sebagai koloni kepada Persekutuan Malaysia. Yang hairan bin ajaib, Sultan Brunei dilaporkan adalah seorang yang terkaya di dalam dunia dan rakyat Baginda pula tidak membayar cukai, sementara Perdana Menteri Singapura dilaporkan bergaji yang paling tertinggi di antara pemimpin-pemimpin di Asia dan berpendapatan per kapita rakyatnya yang tertinggi di rantau Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita berharap janganlah ada pemimpin-pemimpin UMNO (Baru) dengan sewenang-wenangnya membangkitkan soal-soal kuasa Ketua Menteri Sabah, meminda Perlembagaan Negeri Sabah ataupun menghapuskan Perkara 20 kerana ini adalah asas dan prasyarat kita apabila

membentuk Persekutuan Malaysia, kalau tiada ini semua, maka sudah tentu tiadalah Persekutuan Malaysia. Oleh itu, kita minta kepada beberapa pemimpin UMNO (Baru) supaya jangan merosakkan asas pembentukan Persekutuan Malaysia semata-mata untuk kepentingan politik parti UMNO (Baru).

Kata orang tua-tua, 'ikut hati mati, ikut rasa binasa'. Janganlah pula oleh kerana terlalu ghairahkan kuasa, maka hak-hak keistimewaan dan autonomi negeri Sabah habis dihapuskan. Sepatutnya kita lebih menumpukan perhatian serius ke arah pembangunan ekonomi negeri dan rakyat negeri Sabah supaya rakyat Malaysia di Sabah bukan sahaja berbangga tetapi dapat menikmati hasil kemerdekaan di dalam erti kata sebenarnya. Janganlah pula oleh kerana terlalu mabuk untuk menguasai negeri Sabah, maka berbagai-bagai taktik kotor digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain taktik kotor itu terbukti bila ribuan orang pendatang asing tanpa izin di daftar sebagai pengundi melalui Ops Gembeling yang dijalankan oleh beberapa orang pegawai daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan juga Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dengan bantuan beberapa orang pemimpin UMNO (Baru). Perbuatan ini adalah sangat-sangat tidak bertanggungjawab dan subversive in nature, dengan izin, yang mana bertentangan dengan undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan. Kita harapkan pagar tetapi rupanya pagar pula makan padi.

Tuan Yang di-Pertua, pada 14hb November, 1995, semasa menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menuduh saya seperti yang terdapat di muka surat 52 *Hansard* dan saya quote, "Berbalik kepada soalan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tenom sukacita saya jelaskan bahawa

SPR sentiasa mengkaji daftar pemilih bagi negeri Sabah khususnya. SPR akan membuat semakan butir-butir pemohon yang mendaftar bagi pemilih dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk memastikan permohonan itu benar-benar warganegara. Mengenai dakwaan nama pendatang asing dimasukkan sebagai pemilih, ini adalah satu tuduhan palsu kerana SPR memaklumkan bahawa mereka tidak ada satu pun maklumat yang menjelaskan keadaan tersebut" - unquote.

Selepas itu pada 18hb Januari, 1996, saya telah membuat laporan polis di Kota Kinabalu apabila menerima 12 keping kad pengenalan dan borang permohonan sementara untuk menjadi ahli Umno serta borang untuk menjadi ahli Persatuan Kebajikan Bugis Sabah yang disyaki palsu melalui kiriman pos. Kad-kad pengenalan itu adalah yang bakal diberi kepada pendatang-pendatang asing tanpa izin.

Apabila saya semak di dalam Buku Daftar Pemilih, ketara nama-nama dan nombor-nombor kad pengenalan berkenaan sudah pun tercatat di dalam Buku Daftar Pemilih sejak tahun 1993 lagi. Ini bermakna, belum pun pendatang asing tanpa izin itu menerima kad-kad pengenalan berkenaan tetapi nama-nama mereka sudah di daftar di dalam Buku Daftar Pemilih. Bererti Jabatan Pendaftaran Negara telah bersubhat dengan Suruhanjaya Pilihanraya dalam perkara ini.

Oleh itu, kita minta Ketua Polis Negara supaya meneruskan penyiasatan dan penangkapan terhadap mereka yang bertanggungjawab membekalkan kad-kad pengenalan dan mendaftarkan pendatang asing tanpa izin ini sebagai pengundi di Sabah sebelum mereka menghancurkan kestabilan dan keselamatan negara sepenuhnya.

Kita berharap polis juga menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya

terhadap bekas Timbalan Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Sabah, Mohamed Nasir bin Sungip kerana diketahui terbabit mengeluarkan kad pengenalan kepada pendatang asing tanpa izin melalui operasi yang mereka namakan Ops Gembeling. Beliau adalah selaku ketua penyelarasan di dalam operasi itu. Demi menegakkan keadilan dan sebagai penguatkuasa undang-undang, polis seharusnya menjalankan tugas dan tanggungjawab tanpa takut ataupun pilih kasih. Kita harap tiada cover up di dalam penyiasatan ini dengan menangkap pegawai-pegawai rendah sahaja untuk dijadikan sebagai 'scape goat'.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berharap supaya polis menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang terlibat mendaftarkan pendatang asing tanpa izin sebagai pengundi secara dirancang kerana kalau tidak masakan pendatang-pendatang asing tanpa izin ini terdaftar sebagai pengundi. Ini jelas terbukti semasa siasatan awam terhadap Buku Daftar Pemilih dijalankan di mana pemohon-pemohon sebagai pengundi bila disoal siasat mengaku sama ada berasal daripada Indonesia ataupun di Filipina, tetapi butir-butir yang terdapat di dalam kad pengenalan mereka menyatakan bahawa mereka berasal daripada Sabah. Begitu juga bantahan kita terhadap pengundi-pengundi pendatang asing tanpa izin ini telah di tolak oleh pegawai-pegawai pendaftar sewenang-wenang.

Tuan Yang di-Pertua, proses pendaftaran pemilih, siasatan awam hinggalah ke peringkat rayuan dijalankan sambil lewa sahaja, acuh tak acuh oleh pihak SPR, it is a total mockery of the registration exercise, dengan izin, kerana ianya dijalankan tidak menurut peruntukan undang-undang pendaftaran pemilih seolah-olah ianya ada udang di sebalik batu.

Kita berharap SPR akan memberi latihan dan garis panduan kepada pegawai-pegawai pendaftar dan pegawai penyemak tentang peranan, tugas dan tanggungjawab mereka di masa depan supaya proses ataupun exercise itu betul-betul mencapai matlamatnya mengikut undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa pula pendatang asing tanpa izin diberi keistimewaan dan seolah-olah mengenyepikan rakyat Malaysia di Sabah. Ibarat kata pepatah, 'anak kera di hutan disusui, anak sendiri di pangkuan mati kehausan'. Cukup sudah pengalaman pahit dan masalah-masalah yang dilakukan oleh pendatang asing tanpa izin di depan mata kepala kita sendiri selama ini. Adakah kita terus membiarkan mereka bermaharajalela sehingga kita kini sebagai anak jati Malaysia menjadi bukan sahaja pelarian tetapi pengemis di negeri sendiri nanti.

Memang benar kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, apabila menjawab soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang yang berbunyi, 'di mana bumi dipijak di situ langit di junjung'. Apakah kita sudah lupa akan cita-cita dan prinsip-prinsip Rukun Negara yang menjadi teras, tuggak dan panduan rakyat Malaysia supaya kita tidak hilang pedoman.

Tuan Yang di-Pertua, ada pula di antara pemimpin-pemimpin UMNO (Baru) yang angkuh, mendabik dada, berbangga apabila BN berjaya merampas Kerajaan Negeri Sabah dari PBS pada bulan Mac, 1994. Semua orang tahu malah seluruh dunia tahu bagaimana cara BN merampas kuasa. Bak kata Menteri Pendidikan di Persidangan Khas Parlimen pada bulan Januari, 1996, sewaktu menjawab terhadap pembentangan Akta Pendidikan 1995, 'lembu punya susu, sapi punya nama'. Ingatlah, bekas Presiden Amerika, Abraham Lincoln ada berkata, 'kita boleh berbohong kepada seorang dalam satu masa. tetapi kita tidak

boleh berbohong kepada semua orang dalam setiap masa'.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan kita betul-betul mengamalkan suatu kerajaan yang adil dan efisien, maka bersihkanlah pentadbiran dan sistem kerajaan daripada apa juga bentuk penyelewengan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kuala Nerus.

6.10 ptg.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Diraja yang telah kita dengar pada 25.3.96 di dalam Dewan yang mulia ini.

Titah Ucapan Diraja telah merangkumi banyak aspek-aspek yang relevan dengan perkembangan syiar Islam di negara kita. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah berjaya mempelopori dasar penerapan nilai-nilai Islam yang pada awalnya telah melaksanakan berbagai bentuk program yang berbagai-bagai produk dalam sudut Al-Muamalah Islam. Bertolak dari sinilah kita telah mengorak satu langkah lagi untuk terus berkembang ke negara-negara Islam di seluruh dunia. Kita seharusnya berbangga dengan kejayaan yang telah kita perolehi.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengadakan usaha sama di antara negara-negara jiran di dalam menerokai pasaran-pasaran luar negara lebih-lebih lagi di sudut Al-Muamalah Islam khususnya pada 25.3.1996 baru-baru ini, kita telah melihat satu perjanjian yang ditandatangani di antara Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. dengan Al-Takaful Indonesia. Kita

telah berjaya menubuhkan beberapa institusi kewangan Islam berlandaskan kepada konsep-konsep syariah tanpa riba di negara kita ini telah banyak dan di dalam usia lebih 10 tahun dengan menubuhkan institusi kewangan yang berdaya maju yang amat baik sekali. Justeru kerana itu, wajarlah kita mula memikirkan untuk mengeksport produk-produk Al-Muamalah Islam ini ke negara-negara Islam di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Pasir Mas, Kelantan yang telah mengecam dengan hebatnya amalan-amalan yang dibuat oleh Bank Islam Malaysia Berhad. Saya telah 12 tahun bekerja dengan Bank Islam dan saya barangkali boleh berceramah kepada Yang Berhormat pada petang ini tetapi saya tidaklah bermaksud untuk berceramah kepada Ahli Yang Berhormat.

Apa yang diperkatakan bahawa konsep Al-Bai' Bithaman 'Ajil yang telah diamalkan oleh Bank Islam itu adalah satu konsep yang suci, satu cara, satu pengamalan yang suci. Konsep Al-Bai' Bithaman 'Ajil adalah satu konsep jual beli yang diberi nama "jual beli secara tangguh bayaran" di dalam erti kata bahasa Melayu kita. Ibarat kata, yang bersih itu tetap bersih, yang bersih tidak berkarat, yang halal itu akad dan akad itu adalah Muamalah.

Tetapi di sini, persoalan yang kita bincangkan adalah persoalan halal dan haram. Bukanlah bermakna apa yang kita tidak bersetuju dengan konsep yang telah dibuat, dengan konsep yang telah diamalkan oleh Bank Islam itu kita menentang secara membuta tuli. Kita hendaklah mengkaji, hendaklah membuat penyelidikan yang mendalam tentang satu-satu amalan, tentang satu-satu konsep yang telah dilaksanakan. Saya yakin dan percaya dengan sokongan masyarakat Islam di dalam masyarakat majmuk pada hari ini bahawa Bank Islam boleh berdiri

teguh dan Bank Islam boleh membuktikan bahawa konsep perniagaan Islam tanpa riba boleh terus kita manfaatkan kepada seluruh rakyat di negara kita.

Sebagaimana yang diperkatakan bahawa konsep Al-Mudharabah yang tidak disenangi oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, sukalah saya mengatakan bahawa Al-Mudharabah ini adalah satu perkongsian perniagaan tjarah di antara satu pihak yang mempunyai modal dan satu pihak yang mempunyai akal ataupun yang mempunyai idea untuk berniaga. Di sini adalah mudharabah dalam bentuk perniagaan iaitu kongsi untung dan rugi. Sememangnya bank perdagangan sebagaimana Bank Islam yang memerlukan keuntungan, profit making organisation, dengan izin. Jadi, dalam persoalan ini bila kita berbicara tentang Al-Mudharabah, adanya perjanjian di antara Sohibul Maal dengan Sohibul 'Akmal. Setiap perjanjian yang dibuat, setiap amanah yang kita jaga daripada deposit, daripada pelaburan duit rakyat ataupun pelaburan daripada duit simpanan-penyimpanan, kita wajib ataupun dalam erti kata lain kita hendaklah memegang amanah itu. Jika sekiranya ada keuntungan hendaklah kita bahagi, hendaklah kita agihkan mengikut predetermine ratio ataupun kadar yang telah ditetapkan sebelumnya.

Dalam keadaan ini tidaklah bermaksud orang yang memegang amanah itu untuk menzalimi ataupun untuk tidak berlaku adil kepada para depositors, dengan izin. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas saya rasa dan saya menasihatkan supaya kita mengkaji lebih dalam lagi dalam soal ini. Banyak lagi perkara yang kita perlu membuat kajian, kita perlu menuntut, membaca dan mendengar, sebagai contoh daripada Bank Islam sendiri mempunyai badan pengawal syariahnya yang terdiri daripada pakar-pakar perundangan Islam Al-Muamalah Islam. Barangkali perkara yang baik ini janganlah kita menanggung di air yang keruh. Kalau pada hari ini kita melihat

bahawa konsep Al-Muamalah Islam begitu berjaya sekali dalam perundangan Islam, kita berikanlah sahaja sokongan untuk kebaikan, untuk roh perjuangan Islam yang sebenarnya. Pada saya apa yang baik kita perlu terima kerana pada kita seorang manusia, seorang wakil rakyat dan seorang Ahli Parlimen sememangnya kita tidak tahu semuanya. Banyak lagi perkara yang kita perlu mendapat pandangan, kita perlu membuat kajian dan kita perlu merujuk kepada para-para ulama yang tahu di dalam bidang yang kita tidak tahu.

Saya juga merasakan bahawa parti pembangkang pada hari ini ibarat Lebai Malang yang berkayuh ke hulu menungkah arus dan berkayuh ke hilir menungkah pasang. Kalau dahulunya sebelum kita melaksanakan konsep Al-Muamalah Islam ini, sebelum kita menubuhkan Bank Islam, sebelum kita menubuhkan Al-Takaful Islam, sebelum kita melaksanakan kaunter-kaunter perniagaan Islam barangkali tidak pernah dilaungkan, barangkali tidak pernah dikemukakan kertas-kertas kerja, barangkali tidak pernah diseminarkan tentang Al-Muamalah Islam. Tetapi setelah kita membuat, setelah kita melaksanakan, setelah kita membentangkan di dalam kongres-kongres ekonomi bumiputera, bila disebut bumiputera maka orang-orang Melayu kitalah, di dalam Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun 1981 di Universiti Kebangsaan Malaysia, kitalah orang-orang bumiputera yang dengan ikhlasnya telah pun membuat resolusi supaya satu institusi kewangan Islam ditubuhkan di negara kita.

Pada waktu itu, kita tidak mendengar laungan-laungan daripada parti-parti pembangkang. Jadi, seruan saya pada hari ini, walaupun kita duduk di pihak yang kurang bernasib baik, tetapi kita dengarlah sebagaimana kita dengar dan memberi sokongan kepada kerajaan yang ingin menegakkan syiar Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada perkara lain yang saya kira dapat kita kongsi bersama. Sejak akhir-akhir ini kita lihat timbulnya masalah bas mini. Bas mini ini adalah merupakan masalah yang telah lama kita hadapi dan merupakan kenderaan penumpang di Kuala Lumpur yang amat popular. Bas mini yang dahulunya hanya dengan 50 sen dapat memenuhi cita-cita kita untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Bas mini pada hari ini rata-rata orang memperkatakan bahawa bas mini adalah "raja" di jalan raya di Kuala Lumpur ini.

Pemandu bas mini kebanyakannya tidak mempunyai budaya "pandu dengan cermat, biar lambat asal selamat". Kebanyakan pemandu dilatih untuk memandu dengan melanggar peraturan-peraturan jalan raya. Pemandu berhemat jauh sekali, membunyikan hon kepada kita seolah-olah kita pekak dan tuli. Traffic light merah pun tak berhenti. Kadang-kadang kita nasihat, dia terus maki, menjadi kebiasaan memandu di tengah dan terus masuk kiri, kita di belakang menggelabah break emergency. Silap-silap, orang di belakang terus melanggar tanpa amaran ke kanan dan ke kiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan bertindak lebih tegas untuk menyelesaikan masalah ini. Saya juga tidak menafikan bahawa pada hari ini ada di antara pemandu-pemandu bas mini yang merupakan rakyat asing. Tahu sahajalah, daripada negara jiran kita, bagaimana perangnya memandu bas-bas mini di mana terdapat negara jiran kita di mana keadaan jalan rayanya tidak begitu baik dan di sana mereka memandu mengikut karenah dan disiplin di negaranya. Maka perkara ini hendaklah kita beri penekanan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita merasa selesa dengan perkembangan

ekonomi yang sungguh baik dan suasana di sekeliling kita aman damai serta harmoni sekali. Setiap rakyat inginkan hidup yang lebih senang. Begitu juga hasrat ibu bapa ingin melihat anaknya disekolahkan dan diberi pendidikan demi masa depan yang lebih cemerlang. Justeru itu, setiap peruntukan kerajaan hendaklah diagihkan sama rata setiap zaman.

Saya ingin melahirkan rasa dukacita rakyat bawahan di kawasan saya yang terpaksa menanggung keresahan hasil dari langkah penjimatan yang dilakukan oleh MARA pada hari ini. Di kawasan saya, ada sebuah Pusat Giat MARA yang baru hendak ditubuhkan iaitu di bawah dasar penswastaan. Saya merasa dukacita sekali. Saya telah difahamkan oleh Pengurus Pusat Giat MARA Kuala Nerus bahawa Pusat Giat MARA kawasan saya terpaksa menumpang di Pusat Giat MARA Hulu Terengganu kerana peruntukan sebanyak RM14,000 tidak dapat diluluskan.

Persoalan yang kita bangkitkan pada hari ini bukanlah RM1,000, RM2,000, RM14,000 dan sebagainya. Persoalan yang kita bangkitkan pada hari ini adalah mengecapi hasil daripada perkembangan ekonomi yang begitu pesat yang ada di hadapan mata kita. Saya juga difahamkan bahawa peruntukan sebanyak RM120,000 sahaja diberikan kepada sebuah Pusat Giat MARA di negeri Terengganu. Bagaimana, bayangkanlah kita hendak tanggung semua ini? Pusat Giat MARA Kuala Terengganu tukang kebunnya berhenti, Pusat Giat MARA Telemong iaitu satu kawasan di dalam Hulu Terengganu hanya membuat teori sahaja pada hari ini dan tidak dapat buat praktikal. Tidak boleh welding, tidak boleh buat kimpalan dan sebagainya kerana tidak ada peruntukan.

Jadi, saya merasa sedih pada hari ini. Sebagai contoh, hanya RM500 diperuntukkan untuk menyediakan

peralatan welding. Saya bertanya kepada Pengurus Pusat Giat MARA, dia kata memerlukan RM800 untuk sewa tabung gas sahaja. RM800 untuk sewa sahaja, bukannya RM500 untuk segala-galanya.

Jadi, pada hari ini, marilah kita sama-sama menghayati kesusahan yang dihadapi oleh anak-anak buah kita di kampung-kampung kerana pada kita, training di peringkat Pusat Giat MARA adalah satu perkara yang mustahak dan satu perkara yang utama kerana Pusat Giat MARA ini adalah "feeder" kepada peringkat persijilan dan peringkat diploma dan seterusnya. Maka kalau kita gagal di peringkat bawah ini, kita tidak akan dapat pergi jauh. Jadi, saya menasihatkan kepada kementerian yang berkaitan supaya jangan kita biarkan masalah ini berlarutan sebegitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ramai lagi di antara rakan-rakan saya yang hendak berucap. Jadi, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sipitang.

6.28 ptg.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dan rakyat di kawasan saya ingin menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian persidangan Dewan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di atas ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita patut bersyukur dan rakan-rakan kita di pihak pembangkang pun turut bersyukur kerana kita berada dalam negara yang aman damai, ekonominya berkembang dengan mampan, inflasi yang begitu rendah dan seluruh rakyat bebas mencari rezeki dan mengambil kekayaan

dan harta tanpa batasan asalkan dengan cara yang dibenarkan.

Perkara ini mesti kita terima kerana ia adalah kenyataan. Seperti yang selalu dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya bahawa perkara ini berlaku kerana kestabilan Barisan Nasional dan komponennya, terutama sekali UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari sudah, wakil Kota Bharu ada menyebut tentang perayaan ulang tahun UMNO ke-50 dan sekaligus merupakan perayaan penyatuan orang-orang Melayu dan bumiputera. Nampaknya beliau merasa cemburu dengan perayaan ini. Beliau menyatakan

bahawa UMNO cuma berusia 8 tahun, tetapi sebenarnya UMNO telah pun berusia 50 tahun. Semangat dan perjuangan orang Melayu telah wujud sejak 50 tahun yang lalu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila sambung esok ya. Masa untuk hari ini sudah cukup. Yang Berhormat ada 18 minit untuk menyambung pada hari esok. *(Ketawa)*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.